**Recent Malay Books from Malaysia – Jan 2022**

**Mary Martin Booksellers Pte Ltd**
**Blk 231, Bain Street**
**#03-05, Bras Basah Complex**
**Singapore 180231**
**Tel : +65-6883-2284/6883-2204**
**info@marymartin.com**
**www.marymartin.com**

## Anthropology/Archaeology

Arkeologi Sejarah Kedah Tua – Tamadun Terawal Asia Tenggara: Samudera, Manusia dan Besi Mencipta Peradaban / Muhammad bin Abd Razak
Kuala Lumpur: Dar Al Wahi Publication, 2021
xviii, 222p.
9789670729404

1. Kedah (Malaysia) – History.
2. Kedah (Malaysia) – Politics and government.
3. Kedah (Malaysia) – Social conditions.
4. Kedah (Malaysia) – Economic conditions.

$ 30.00 / PB
326gm.

Kedah Tua merentasi zaman yang amat panjang melangkaui jauh dari yang pernah dicatatkan sejarah, hatta Hikayat Merong Mahawangsa teramatlah muda jika dibandingkan denganpentarikhan yang di temui melalui kajian dan galiselidik arkeologi. Ini terbukti dari kisah hikayat itu sendiri yang mengatakan tentang delegasi dari Rom, sedangkan bukti saintifik kewujudan Kedah Tua lebih awal dari legenda terkenal Rom, iaitu Romulus dan Remus. Pada tahun 788 SM, Rom dan Parsi masih lagi perkampungan kuno, namun di Kedah Tua telah wujud satu peradaban yang berteraskan industri dan perdagangan maritim yang penting. Mengapakah ia penting? Kerana Kedah Tua merupakan pengeluar jongkong besi terbesar. Ini terbukti dengan longgokan jutaan tuyere untuk proses peleburan besi yang berlangsung lebih dari 2000 tahun.
Penulis buku ini cuba mencantumkan catatan-catatan sejarah, temuan arkeologi dan tulisan ilmiah dalam 'penerokaan ke alam' Kedah Tua yang

gemilang dengan industri besi, pedang, alam maritim, dagangan timur barat, dari Guangzhou, China hingga ke Thebes, Mesir.
http://www.marymartin.com/web?pid=788991
-----------------------------------------------------------------------------------------------

## Biography/Memoirs

Sultan 'Ala'Uddin Suleiman Shah: Payung Kesentosaan Negeri Selangor / Muhamad Adha Abd Jalil (Ed) Muhammad Amir Ashraf Rosdin & Norziati Mohd Rosman
Kuala Lumpur: Akademik Jawi Malaysia Sdn Bhd, 2021
xiv, 254p.
Includes Index
9789672422143

1. 'Ala'uddin Suleiman Shah ibni al-Marhum Raja Muda Musa, Sultan, 1865-1938.
2. Sultans – Malaysia – Selangor – Biography.
3. Selangore (Malaysia) – Kings and rulers – Biography.

$ 80.00 / HB
1132gm.

Buku SULTAN 'ALA'UDDIN SULEIMAN SHAH ialah sebuah biografi bersejarah Sultan Selangor ke-5, Sultan 'Ala'uddin Suleiman Shah (1865-1938) yang meraqam kehidupan baginda Sultan sejak dari kezahirannya ke dunyā hinggalah kemangkatan baginda pada 1938.
Adapun buku ini memaparkan ketokohan baginda Sultan sebagai penguasa negeri Selangor dan ke'aliman baginda dalam perihal agama sehingga menjadikan negeri Selangor dilimpahi kema'muran dan kesentosaan sewaqtu pemerintahan baginda Sultan.
Buku ini dilengkapi dengan gambar-gambar bersejarah yang istimewa dan nadir, serta penemuan beberapa bukti sejarah baharu hasil usaha dan ketekunan pengarang, Muhamad Adha Abd Jalil (Ku Alam) yang membuat ruju'kan di pelbagai institusi serta menemubual qawm kerabat yang sempat ditemui sebelum berakhirnya hayat mereka.
http://www.marymartin.com/web?pid=788992
-----------------------------------------------------------------------------------------------
Dzulkifli Abdul Razak dan Percambahan Konsep Pengajian Tingginya / Muhammad Haji Saleh
Kuala Lumpur: IIUM Press, 2021
xviii, 254p.
Includes Index

9789674911034

1. Dzulkifli Abdul Razak, Tan Sri, Dato', Prof., 1951-.
2. Educators – Malaysia – Biography.
3. Scholars – Malaysia – Biography.
4. Biography.

$ 70.00 / PB
708gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=788993
-----------------------------------------------------------------------------------------------
Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal / Martin Lings (Abu Bakr Sirajuddin) (Translators) Farhan Affandi & Al-Mustaqeem M. Radhi
Kuala Lumpur: IBDE Ilham Sdn Bhd, 2021
508p.
9789671809143

1. Muhammad, Prophet, -632.
2. Prophets in the Qur'an.
3. Islam - History

$ 38.00 / HB.
800gm.

Biografi ini merupakan salah satu biografi Nabi Muhammad SAW yang terbaik pernah diterbitkan. Dengan gaya penulisan yang mudah difahami serta bahasa yang indah, Martin Lings menghadirkan kepada pembaca riwayat hidup Nabi Muhammad SAW dengan terperinci. Selain sisi peribadi baginda, biografi ini turut menyentuh aspek sosial, ekonomi dan politik pada zaman tersebut. Ditulis mengunakan sumber-sumber yang sahih dan sudah meraih banyak anugerah di peringkat antarabangsa, biografi ini adalah sebuah buku yang wajib dimiliki setiap orang.
http://www.marymartin.com/web?pid=788994
-----------------------------------------------------------------------------------------------
Jejak-Jejak Pencerahan Umat: Memoir Kenangan di Jalur Dakwah, Pendidikan dan Politik / Dr. Muhammad Nur Manuty
Bangi, Selangor: Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), 2021
xxviii, 434p.
Includes Index
9789834442989

1. Muhammad Nur Manuty, Dr. – Anecdotes.
2. Muslim missionaries – Anecdotes.
3. Muslim educators – Anecdotes.
4. Muslim politicians – Anecdotes.

$ 22.50 / PB
712gm.

Memoir Kenangan Jejak-jejak Pencerahan Umat di Jalur Dakwah, Pendidikan dan Politik berfokus kepada gagasan islah dan tajdid Islam yang marak di tanah air mulai dekad 70-an. Penulis telah terlibat dalam proses tersebut setelah menerima pendidikan Islam formal dan tidak formal di dalam dan di luar negara. Penulis aktif dalam PKPIM, ABIM dan WADAH, antara tiga gerakan dakwah penting yang telah memberi sumbangan bermakna dan tersendiri terhadap proses yang menatijahkan fenomena "Kebangkitan Islam" di Malaysia hari ini. Impaknya telah menyebabkan berlakunya transformasi sosial yang telah berjaya mencerna Islam sebagai satu cara hidup. Sesungguhnya, PKPIM dan ABIM sangat berperanan dalam mengisi makna dan program Islamisasi dalam aspek agama, pendidikan, perundangan, ekonomi, sosial hatta dalam bidang politik.
Selain itu, ABIM juga telah berfungsi sebagai jurubicara umat bagi memenuhi perintah al-Quran dan al-Sunnah. Selanjutnya, penulis telah berijtihad memasuki jalur politik bagi menegakkan kebenaran dan keadilan. Setelah berada selama dua dekad dalam bidang politik, penulis telah berpeluang memperjuangkan nilai-nilai universalisme Islam menerusi jalur Parti keADILan yang bersifat majmuk bangsa dan agama. Sesungguhnya, ini adalah satu eksperimen yang unik. Pokoknya, dalam dasawarsa tujuh dekad ini, banyak warna-warni kehidupan dapat dimaknai bagi menjadi seorang insan yang bermanfaat untuk diri, masyarakat dan umat.
**http://www.marymartin.com/web?pid=788996**
------------------------------------------------------------------------------------------
Anwar Ibrahim: Dari Cherok To'Kun Ke Kuala Kangsar / Amin Ahmad
Kuala Lumpur: Ilham Books, 2021
178p.
9789672007463

1. Anwar Ibrahim, Dato' Seri, 1947-.
2. Politicians – Malaysia – Biography.
3. Political leadership.

$ 20.00 / PB
226gm.

Banyak pernah diperkatakan tentang Anwar Ibrahim, khususnya sejak beliau memimpin gerakan mahasiswa dan belia bermula lewat 1960-an. Namun, tidak ramai yang tahu tentang pendedahan awal yang diterimanya sebelum

melangkah kaki ke universiti. Suasana kemerdekaan, yang terhasil daripada kebangkitan nasionalisme, mencorak semangat dan persekitaran dalam keluarganya.
Ia ternyata mendorong Anwar untuk menjiwai tuntutan pengisian kemerdekaan seawal usia remaja yang boleh terlihat dalam penglibatan dan pembinaan keperibadiannya. Peluang belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) ketika era Darurat, pembentukan Malaysia dan proses Malayanisasi menambah keunikan pengalaman hidupnya semasa remaja.
Dari Cherok To' Kun ke Kuala Kangsar membawakan sebahagian daripada kisah hidup Anwar Ibrahim yang jarang diperkatakan.
**http://www.marymartin.com/web?pid=788997**
------------------------------------------------------------------------------------------
Sheikh Ismail Lutfi: Penyebar Salam dari Patani / Suraiya Chapakiya & Isma AE Mohamad
Kuala Lumpur: Ilham Books, 2021
316p.
9789671745427
1. Ismail Lutfi, Sheikh.
2. Muslim scholars.
3. Muslim missionaries.

$ 20.00 / PB
262gm.

Ejekan Busuk Tahi Unta, Hantu Kongkong, Bapak Wahabi dan bermacam lagi dilemparkan ke atas usaha dakwah beliau, Ismail Lutfi yang dibesarkan di Mekah sentiasa meluncurkan senyuman dan mendahulukan salam dalam setiap pertemuan. Beliau yang digelar Penyebar Salam sering menemukan titik tengah dalam menghadapi perbalahan mahupun konflik yang berlaku. Usaha beliau membangunkan universiti Islam di Patani telahpun bermula sewaktu beliau masih lagi bergelar penuntut ilmu di bumi Anbiya, ketokohan luar biasa beliau yang merentas zaman dapat dilihat pada waktu itu dengan ide-ide reformasi Islam.Sheikh Ismail Lutfi: Penyebar Salam Dari Patani mencatat jerih payah dan masam manis kehidupan seorang permata dari Patani yang berjaya mengangkat wilayah itu menjadi serambi ilmu, dan merupakan pemimpin yang membawa suara umat, berkongsi impian dan inspirasi dalam usaha dakwah yang tiada noktah.
**http://www.marymartin.com/web?pid=788998**
------------------------------------------------------------------------------------------
Mencari Identiti Budak Nilam Puri / Mahmood Zuhdi AB Majid
Kuala Lumpur: Ilham Books, 2021

274p.
9789672007449
1. Mahmood Zuhdi Ab Majid, Datuk, Prof Emeritus, Dr., 1945 – Anecdotes.
2. College teachers – Anecdotes.
3. Successful people – Anecdotes.
4. Anecdotes.

$ 20.00 / PB
236gm.

Setelah selesai pengajian peringkat menengah dan menjadi guru di sebuah sekolah rendah, perjalanan untuk mencari identiti diteruskan di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, atau lebih dikenali sebagai Nilam Puri. Pada peringkat ini, Budak Surau telah bertukar sebagai Budak Nilam Puri. Perjalanan intelektual dan permulaan penglibatan beliau dalam kehidupan berorganisasi di pusat pengajian membawa beliau untuk terlibat dalam parti politik bernuansa Islam, sesuai dengan latar belakangnya dari pusat pengajian Islam. Semua pengalaman yang ditimba ini membantu beliau untuk membentuk cara fikir dan cara pandang dalam kehidupan bermasyarakat. Budak Nilam Puri yang berkesinambungan dari Budak Surau merupakan jilid kedua daripada tujuh dalam siri autobiografi Prof Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid yang beliau namakan sebagai Mencari Identiti.
**http://www.marymartin.com/web?pid=788999**
-----------------------------------------------------------------------------------------
Membumikan Rahmatan Lil 'Alamin: 22 Bulan Pentadbiran Islam di Putrajaya / Mujahid Yusof Rawa
Kuala Lumpur: Ilham Books, 2021
358p.
9789672007456
1. Mujahid Haji Yusof Rawa, 1964 – Anecdotes.
2. Politicians – Anecdotes.
3. Muslim politicians – Malaysia – Anecdotes.
4. Anecdotes.

$ 22.50 / PB
358gm.

Rahmatan lil 'Alamin, Maqasid Syariah dan Model Malaysia adalah antara gagasan yang dimulakan oleh penulis sebaik sahaja dilantik menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) apabila kerajaan Pakatan Harapan dibentuk selepas kemenangan bersejarah 9 Mei 2018.

Dalam masa singkat, penulis telah berjaya menjadikan dasar baru pentadbiran Islam ini sebagai sikap rasmi Kerajaan Malaysia apabila mendapat persetujuan daripada Majlis Raja-Raja Melayu dan Kabinet Jemaah Menteri pada pertengahan 2019.
Buku ini memaparkan visi, misi dan hasrat pentadbiran Islam baharu tersebut, usaha serta cabaran yang dihadapi sepanjang penulis menjawat Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal Islam. Namun akhirnya usaha ini terbantut apabila Kerajaan Pakatan Harapan dijatuhkan melalui Langkah Sheraton pada Februari 2020.
Selain menjawab isu-isu kontroversi sepanjang 22 bulan pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan, penulis juga telah menggariskan cabaran demokrasi pasca Covid-19 dan daya ketahanan nasional yang diperlukan oleh Malaysia untuk terus melonjak ke hadapan.
**http://www.marymartin.com/web?pid=789000**

--------------------------------------------------------------------------------------------

Biografi Sasterawan Negara – Shahnon Ahmad: Anak Nan Bertuah / Mohd Yusof Hasan
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021
xxiv, 224p.
Includes Index
9789834929565

1. Shahnon Ahmad, Dato', 1933-2017.
2. Authors, Malay – Biography.
3. Authors, Malaysian – Biography.

$ 19.00 / PB
316gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784342**

------------------------------------------------------------------------------------------

Kisah Hidup Orang Patani di Malaysia / Isma AE Mohamad (Ed) Najibah Abu Bakar
Klang, Selangor: KEA Darul Falah Enterprise, 2021
266p.
9789671705049

1. Isma Ae Mohamad, 1983 – Anecdotes.
2. Malays (Asian people) – Thailand – Pattani.
3. Anecdotes.

$ 15.00 / PB
254gm.

Perjanjian Inggeris-Siam dimeterai pada tahun 1909, sekali gus memisahkan Patani dengan Tanah Melayu. Kemudian, Siam berubah menjadi Thailand dengan Patani kekal dalam jajahan takluknya. Manakala Tanah Melayu diberi kemerdekaan oleh British, dan menjadi Malaysia.
Seiring dengan perkembangan semasa, citra negara bangsa di kedua-dua negara semakin jelas kelihatan. Orang Patani diasak menjadi Thai-Muslim. Dalam masa yang sama, peraturan lintas sempadan Thai-Malaysia semakin ketat. Hal ini secara langsung telah mengubah status orang Patani ke Malaysia daripada Melayu dagang kepada orang asing.
"Tahun ini, saya telah menerima seorang pelajar asing pendatang tanpa izin, ketika kerajaan sedang membanteras keberadaan pendatang asing tanpa izin di negara kita." Pengetua sekolah tempat penulis buku ini bersekolah menengah berucap dalam perhimpunan mingguan.
"Kita orang Patani ni, tidak sudah dengan Malaysia juga." Seorang tukang masak yang mulanya bekerja di Malaysia, kemudian bekerja di Bangkok, dan kembali bekerja di Malaysia.
"Kalau gi sor kelamin motong alik Malay, sekali buka duit, boleh 10 ribu ya." Penoreh tua yang membawa semua ahli keluarganya menoreh getah di Gerik, Perak, "Kerja Malay bukan buat kelik pitis, buat kelik ketum. Tauke kedai bagi periuk sor sor soghe buat rebus ketum." Seorang ayah di Patani yang kecewa.
**http://www.marymartin.com/web?pid=788986**
-----------------------------------------------------------------------------------------------
Memoir Kampung Boy / Mitch
Kuala Lumpur: Menara Seni, 2021
1v.
9789671647844
$ 15.00 / PB

Ia mengisahkan tentang cerita kanak-kanak di zaman 1970 dan 1980-an di mana watak aku (Kenit) memaparkan aktiviti serta apa yang dialaminya ketika itu. Ketika zaman tiada gajet yang canggih, ‘aku’ dan rakan-rakannya bermain apa sahaja yang dapat menghiburkan hati mereka. Kisah ini bermula perpindahan dari Pekan, Pahang ke Johor Bahru (JB). Di JB, ‘aku’ mendapat sahabat karibnya bernama Rais dan Kajid yang memperkenalkan banyak permainan sewaktu zaman dulu, seperti main ‘gundu’, baling selipar, tarik upih pinang, permainan ‘cakar ayam’ dan sebagainya. Namun masa amat mencemburui persahabatan mereka.
**http://www.marymartin.com/web?pid=745858**
-----------------------------------------------------------------------------------------------

**Communication & Journalism**

Anatomi Kewartawanan Kontemporari Di Malaysia / (Eds) Mohamad Saifudin Mohamad Saleh, Bahiya Omar & Rani Balaraman
Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM), 2021
xii, 168p.
Includes Index
9789674616137

1. Journalism – Malaysia.
2. Journalists – Malaysia.
3. Reporters and reporting – Malaysia.

$ 15.00 / PB
226gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784341**
-------------------------------------------------------------------------------------------
Rahsia Penulisan Berpengaruh 2.0 / Khairul Hakimin
Kuala Lumpur: WhiteCoat Books, 2021
1v.
9789671915202
$ 15.00 / PB

Menulis di media sosial perlu ada trick. Ia bukannya nampak sesuatu hal, terus up.
Ada cabang membesarkan topik. Dari satu hal ke ribuan posting untuk kita muat naik.
Bayangkan dengan mengembangkan satu-satu topik, ia boleh menjana lebih 100 shares, boleh juga 1,000 shares. Malah perkongsian "biasa biasa" boleh mencapai 100,000 shares.
Sifirnya, apabila share berlaku, follower meningkat.
Follower naik, sales meningkat.
Naskhah ini bercerita dengan lengkap teknik-teknik mengembangkan topik sehingga kita berjaya mendapatkan ratusan ribu followers dan jutaan ringgit!
**http://www.marymartin.com/web?pid=763640**
-------------------------------------------------------------------------------------------
**Ecology/Environment**

Beruang Matahari: Kelestarian Landskap Habitat di Semenanjung Malaysia / Muhammad Kamaruddin Zainul Abidin, Shukor Md Noor & Tukimat Lihan
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2021

122p.
Includes Index
9789672429586

1. Sun bear – Malaysia.
2. Bears – Malaysia.
3. Sun bear – Habitat – Malaysia.
4. Sustainable biodiversity – Malaysia.

$ 15.00 / PB
196gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=763689**
------------------------------------------------------------------------------------------
**Health & Medicine**

Vaksin Dan Vaksinasi Kanak-Kanak Perspektif Hukum Islam /Tengku Fatimah Azzahra Tengku Md Fauzi, Mohd Anuar Ramli & Nor Fahimah Mohd Razif
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2021
x, 116p.
Includes Index
9789674881856

1. Vaccines.
2. Vaccination.
3. Vaccination of children.
4. Vaccination – Religious aspects – Islam.
5. Vaccination of children – Religious aspects – Islam.

$ 22.50 / PB
204gm.

Isu vaksin dan vaksinasi sering kali menimbulkan polemik dalam masyarakat sama ada oleh kumpulan yang menyokong, atau yang menolaknya. Biasanya "topi agama" dijadikan sandaran yang kuat dalam menolak pengambilan vaksin dan usaha vaksinasi dalam kalangan kanak-kanak. Golongan ini berhujah bahawa vaksin dihasilkan daripada sumber yang najis dan haram, mengutamakan perubatan alternatif, holistik dan mengambil "makanan sunnah", menolak perubahan ciptaan Allah, di samping aktif menguar-uarkan teori konspirasi yang melibatkan trilogi syarikat farmaseutikal-Yahudi–dajal. Seiring dengan perkembangan teknologi digital, kumpulan antivaksin turut giat mempromosikan dakyah mereka dalam jaringan media sosial. Hasilnya, pandangan mereka berjaya mempengaruhi kelompok yang masih ragu-ragu

terhadap vaksin dan dampaknya telah mengakibatkan peningkatan penyakit cegahan vaksin dalam kalangan kanak-kanak.
Sehubungan dengan itu, buku ini adalah sebagai satu usaha untuk membalas hujah kumpulan antivaksin agar usaha vaksinasi oleh pihak kerajaan dapat dilaksanakan dengan jayanya, sekali gus kadar morbiditi dan mortaliti dalam kalangan kanak-kanak dapat diminimumkan, serta ekosistem kesihatan awam negara dapat diperkasakan.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780677**
-----------------------------------------------------------------------------------------------
Paru-Paru Nafas Baru / Dr Nurul Yaqeen
Malaysia: WhiteCoat, 2021
327p.
9789671915219
$ 17.50 / PB

Selepas datangnya COVID-19, kita mula sedar yang penyakit paru-paru bukan sekadar batuk, susah bernafas atau penyakit biasa yang mudah kebah begitu sahaja, tetapi antara penyakit yang boleh meragut nyawa jika tidak dirawat dengan cepat dan tepat.
Buku ini menyajikan 75 kisah pesakit paru-paru yang akan menyedarkan pembaca betapa pentingnya ilmu dalam mendepani situasi-situasi tertentu, terutamanya kecemasan. Buat yang mempunyai ahli keluarga atau rakan-rakan yang menghidapi penyakit paru-paru, buku ini diharapkan dapat membantu anda untuk memahami mereka dengan lebih baik, sekaligus memudahkan anda membantu mereka mengahdapi penyakit paru-paru mereka ini.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780169**
-------------------------------------------------------------------------------------------
Panduan Mengkaji Manuskrip Perubatan Melayu / Mohd Affendi bin Mohd Shafri
Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd, 2021
Xii, 52p.
Includes Index
9789672422181

1. Malays (Asian people) – Medicine.
2. Traditional medicine.

$ 12.50 / PB
130gm.

Pengkajian berkenaan manuskrip perubatan Melayu semakin mendapat sambutan di kalangan para pengkaji sama ada timur dan barat. Justeru, buku ini disusun oleh penulis sebagai panduan asas kepada para pengkaji yang membuat kajian berkenaan manuskrip perubatan Melayu agar kajian dibuat lebih tersusun dan mencapai tujuannya. Penulis merupakan pensharah di Kuliyyah Sains Kesihatan Bersekutu dan juga ketua Projek Perdana Manuskrip Perubatan Melayu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. "Perkembangan yang berlaku mutakhir ini memerlukan penyusunan sebuah panduan supaya kajian yang dilakukan lebih tersusun, dapat berkembang dengan terpimpin dan mencapai tujuan yang digariskan. Kaedah sedia ada dan baharu yang telah diperkenalkan, dikumpulkan secara ringkas dalam panduan ini untuk digunakan dalam bengkel-bengkel perumian. Justeru, buku panduan yang diberi nama Panduan Mengkaji Manuskrip Perubatan Melayu ini juga boleh dijadikan panduan kilat dan pantas oleh para pelajar dan pengkaji untuk merangka kajian dan menulis kertas cadangan kajian mereka."
**http://www.marymartin.com/web?pid=789001**
--------------------------------------------------------------------------------------------

**History**

Kesultanan Melayu Melaka: Warisan, Tradisi dan Persejarahan / (Eds) Azmi Arifin, Abdul Rahman Haji Ismail & Abu Talib Ahmad
Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM), 2021
xxii, 398p.
Includes Index
9789674616052

1. Melaka (Malaysia) – History.
2. King and rules – Malaysia – Melaka.
3. Melaka (Malaysia) – Kings and rules – History.
4. Melaka (Malaysia) – Social conditions.
5. Melaka (Malaysia) – Social life and customs.
6. Melaka (Malaysia) – Economic conditions.

$ 23.00 / PB
626gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784332**
--------------------------------------------------------------------------------------------

Membongkar Rahsia Iskandar Bukanlah Zulqarnain / Prof. Madya Dr. Afareez Abd Razak Al-Hafiz & Muhammad Syukri Abd Hamid

Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2020
199p.
9789672278337
$ 18.45 / PB

Sudah tiba masanya, ilmu dan pengetahuan diperalat untuk memperbetul naratif yang telah dimanipulasi sekian lama. Siapa itu susuk Iskandar yang disebut sebagai Alexander The Great? Siapa itu Zulqarnain yang disebut dalam al-Quran? Apakah kehebatan Zulqarnain hingga kisahnya direkodkan dalam al-Quran? Siapa pula susuk Cyrus the Great? Apakah kehebatan Cyrus the Great melangkaui kehebatan Alexander The Great? Mungkinkah susuk yang digelar sebagai Zulqarnain dalam al-Quran itu bukan Iskandar? Siapakah raja yang membantu kaum yang diganggu Yakjuj Makjuj? Sudah berkurun dihegomoni kononnya Iskandar (Alexander the Great) adalah Zulqarnain iaitu watak Qurani. Adakah Alexander The Great hebat dalam sejarah? Ya. Adakah beliau sesuai disandarkan dengan gelaran Zulqarnain? Tidak. Bahkan terdapat tokoh lain yang lebih sesuai disandarkan dengan gelaran itu. Berbekalkan kajian berdasarkan kepelbagaian sumber, buku ini mempersembahakan perbincangan dengan hujah munasabah menjelaskan tokoh yang yang lebih sesuai disandarkan dengan gelaran Zulqarnain.
**http://www.marymartin.com/web?pid=760866**
------------------------------------------------------------------------------------------
Dome of the Rock: Rahsia Kubah Batu Tergantung di Baitulmaqdis / Sarah Kamal (Siti Sujinah Sarnap)
Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2020
219p.
9789672278306
$ 18.95 / PB

Buku ini berkisar tentang kisah benar Masjid Al-Aqsa, masjid yang perlu kita pertahankan demi maruah agama. Bangunannya berciri senibina Islam dihiasi pula dengan bedaya Islam, ia menjelaskan betapa pentingnya masjid ini kepada umat, dilengkapi bahan rujukan termasuk beberapa ayat Quran yang berkaitan. Ia menceritakan tentang Masjid Kubah Batu atau batu Tergantung di Baitul Maqdis. Ia memberi ilmu yang tepat tentang sejarah Kubah Batu, "Dome of the Rock" atau lebih terkenal dengan panggilan Batu Tergantung yang kurang kita fahami. Semoga bermanfaat.
**http://www.marymartin.com/web?pid=760867**
------------------------------------------------------------------------------------------

Hagia Sophia dan Konspirasi Penaklukan Konstantinopel Kali Ke 2 / Shafie Abdul Rahman
Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2021
217p.
9789672278405
$ 18.95 / PB

Buku "HAGIA SOPHIA & KONSPIRASI PENAKLUKAN KONSTANTINOPEL KALI KE - 2" ini ditulis sempena peristiwa pembukaan semula Hagia Sophia oleh Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan sebagai sebuah masjid pada 10 Julai 2020. Serentak dengan itu, solat Jumaat telah diadakan pada 24 Julai 2020 di Hagia Sophia, yang kini dikenali sebagai Masjid Hagia Sophia. Peristiwa pembukaan semula Hagia Sophia, sebuah gereja Kristian Ortodoks yang berusia kira-kira 1,500 tahun itu, adalah merupakan satu peristiwa besar bagi umat Islam terhadap penganut Kristian di Eropah yang suatu ketika dahulu amat gah dengan Konstantinopel sebagai pusat kekuasaan Empayar Rom Timur. Walau bagaimanapun, akhirnya Kontantinopel berjaya ditawan oleh Sultan Muhammad Al-Fatih pada tahun 1453 dan sejak itu Kota Konstantinopel telah berubah wajah dan dikenali sebagai Istanbul. Melalui buku ini penulis memperkatakan tentang bagaimana Erdogan berusaha untuk menjadikan Islam kembali berdaulat di bumi Turki seterusnya berusaha untuk mengembalikan era kegemilangan Daulah Turki Uthmaniyah. Keadaan tersebut menyebabkan musuh-musuh Islam yang sebelum ini telah bersekongkol dengan Mustafa Kamal Atartuk bagi menjatuhkan Kekhilafahan Uthmaniyah, tidak senang duduk dan mula dihantui mimpi silam yang ngeri. Mereka kembali merancang untuk menghalang daripada berlakunya kebangkitan serta kegemilangan Islam di Turki. Penulis melihat senario yang berlaku sekarang terutama selepas gagalnya usaha untuk menjatuhkan Erdogan dalam percubaan merampas kuasa tentera pada 15 Julai 2016, sebagai bukti bahawa musuh-musuh Islam terutamanya Barat yang diperintah oleh Kristian, tidak akan berdiam diri terhadap peristiwa pembukaan semula Hagia Sophia sebagai sebuah masjid. Hal ini menurut pengarang akan dieksplotasikan musuh-musuh Islam yang akhirnya membawa kejatuhan pemerintahan Turki yang berjiwa Islam sekarang, seperti yang sekali lagi diperkatakan oleh Rasulullah SAW bahawa "Konstantinopel akan ditawan kembali oleh umat Islam buat kali kedua". Walau bagaimanapun kejatuhan kali kedua Konstantinopel ini penuh mendebarkan kerana ia berlaku serentak dengan kemunculan Dajjal. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang perancangan konspirasi musuh-musuh Islam

bagi menghalang usaha-usaha untuk kembali mendaulatkan Islam di Turki, sila baca dan miliki buku ini.
**http://www.marymartin.com/web?pid=760868**
-----------------------------------------------------------------------------------------------
Muhammad Bukan Pendusta: Membongkar Fitnah Dan Pembohongan Atas Nama Nabi Muhammad S.A.W / Firdaus Zainal & Hanim Anuar
Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2020
220p.
9789672278313
$ 18.95 / PB

Nama ' Muhammad ' begitu sinonim dengan umat Islam meliputi tatacara kehidupan, keperibadian dan akhlak yang terpuji . Islam meletakkan Nabi Muhammad s.a.w sebagai insan paling sempurna dan dicintai semua makhluk. Baginda dimuliakan Allah dengan pelbagai nama dan gelaran di dalam Al Quran dan hadis. Setiap daripada kita bercita-cita untuk beroleh syafaat baginda di Hari Kebangkitan kelak. Namun, Nabi Muhammad s.a.w juga tidak terlepas dari kecaman musuh-musuh Islam. Bermula daripada abad ke 7 sehingga sekarang, nama Muhammad tidak lekang daripada fitnah dan pembohongan yang ditulis orientalis dan diwarisi dari generasi ke generasi. Malah, kewujudan media sosial telah menjadikan ' Muhammad ' sebagai satu agenda provokasi melampau pihak-pihak tertentu yang pastinya mengguris hati umat Islam. Justeru, karya ini hadir sebagai pencerahan di sebalik agenda jahat mereka yang menghina Nabi Muhammad s.a.w. Berpandukan rujukan silang bidang antara pengajian Islam, sejarah, teologi, sosiologi, politik dan medieval, karya ini merungkap secara kronologi bagaimana fitnah ke atas Nabi Muhammad s.a.w bermula dan tersebar luas di eropah. Seterusnya, agenda kotor, kebencian dan kekeliruan orientalis dalam merencanakan sirah kehidupan dan perwatakan Nabi Muhammad s.a.w juga didedahkan sebagai asas pengetahuan mengenai fitnah yang sedang berleluasa di media sosial. Fitnah dan pembohongan terhadap Nabi Muhammad s.a.w yang ditulis oleh penulis Medieval menyedarkan kita bahawa ia bukanlah satu penulisan biasa tetapi ia adalah serangan terhadap Nabi Muhammad s.a.w dan Islam.
Memetik kata Peter the Venerable;
"I attack you not with arms, as many of us often do, but with words, not with force but with reason, not with hate but with love... I love you; out of love I write to you and with the help of Scriptures I show you the way to salvation".
**http://www.marymartin.com/web?pid=760869**
-----------------------------------------------------------------------------------------------

Membongkar Misteri Dewa Dan Dewi Yunani Purba / Syed Mahadzir Syed Ibrahim
Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2021
237p. ; 14.5x21cm.
9789672278399
$ 18.95 / PB

Masyarakat Yunani purba pernah menyembah dan percaya kepada banyak dewa dan dewi. Dewa-dewi itu tinggal di Gunung Olimpia, di bawah kepimpinan suatu dewa tertinggi iaitu Zeus. Zeus adalah raja para dewa. Dia mampu mengendalikan cuaca. Penyair Yunanu kuno, Hesiod, memanggilnya sebagai 'awan-pengumpul' dan 'guntur atau guruh'. Senjatanya yang paling ampuh adakah petir. Masyarakat Yunani purba percaya bahawa ketika petir menyambar bumi, itu adalah tanda Zeus hadir. Zeus juga sangat mementingkan sifat keramahtamahan, jika ada yang memperlakukan tetamu dengan buruk maka Zeus akan marah. Kepercayaan masyarakat Yunani juga merupakan kumpulan beberapa mitologi. Kenyakinan terhadap kuasa Dewa-dewi dikaitkan dengan aktiviti seharian masyarakat Yunanu purba. Contohnya, Aphrodit sebagai dewi cinta. Di sebuah gunung iaitu Olympus yang berdekatan dengan Athena didirikan sebuah kuil besar yang dipersembahkan untuk Dewa Agung Yunani Zeus dan didirikan juga patung Zeus. Di samping kuil tersebut didirikan pula sebuah lapangan besar agar masyarakat Yunani merasa lebih dekat dengan Zeus iaitu melalui permainan dan pertandingan. Para dewa yang disembah mempunyai hari raya setiap empat tahun sekali, yang dianggap oleh masyarakat Yunani sebagai upacara suci dan perayaan terbesar bagi mereka. Bangsa Yunani memuliakan hari dan bulan, dan menjadikan musim untuk memecah terjadinya perang. Mereka menyalakan obor api besar sebagai lambang kekekalan para dewa. Para pemuka agama berbaris memakai baju berwarna putih dan menyambut para peserta pertandingan, dalam upacara ini pemenang pertandingan diperlakukan atau diagungkan sebagai seorang dewa. Melalui patung juga masyarakat Yunani memperkenalkan aliran realisme dalam seni dan membuat dewa dewi mereka kelihatan begitu manusiawi. Beberapa abad kemudian aliran realisme ini menyebar hungga ke India dan Jepun, di mana patung Buddha juga diperbuat dalam gaya realistik. Mitologi Yunani juga merupakan sebahagian daripada agama di Yunani Purba. Para sejarawan moden mempelajari mitologi Yunani untuk mengetahui keadaan politik, agama, dan peradaban di Yunani Purba, serta untuk mendapatkan pemahaman mengenai mitos itu sendiri. Kebanyakan dewa Yunani

digambarkan seperti manusia, dilahirkan namun tidak akan tua, kebal terhadap apapun, tidak boleh dilihat, dan tiap dewa mempunyai karakteristiknya yang tersendiri. Kerana itu, para dewa juga memiliki nama-nama gelaran untuk tiap karakternya, yang mungkin lebih dari satu. Dewa-dewi ini kadang-kadang membantu manusia, bahkan menjalin hubungan cinta dengan manusia yang menghasilkan anak, yang merupakan separuh manusia separuh dewa. Anak-anak itulah yang kemudiannya dikenali sebagai pahlawan.
**http://www.marymartin.com/web?pid=760870**
------------------------------------------------------------------------------------------
Membongkar Keindahan dan Keunikan Kota Warisan Dunia / Syed Mahadzir Syed Ibrahim
Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2020
253p.
9789672278351
$ 19.45 / PB

Keindahan dan keunikan kota warisan dunia kebanyakannya adalah Tapak Warisan Dunia UNESCO yang dicalonkan dan mendapat pengesahan untuk dimasukkan ke dalam senarai yang dikendalikan oleh Program Warisan Dunia Antarabangsa UNESCO yang ditadbir oleh Jawatankuasa Warisan Dunia UNESCO. Kota-kota warisan ini telah mendapat dana dari Dana Warisan Dunia yang ditubuhkan di bawah Konvensyen Perlindungan Warisasn Budaya dan Semula Jadi Dunia yang dipersetujui oleh Persiadangan Am UNESCO pada 16 November 1972. Kebanyakan kota-kota ini mempunyai 'nilai sejagat luar biasa ' atau outstanding universal value serta melambangkan mahakarya yang mencerminkan daya kreatif dan kecerdasan manusia serta nilai yang berpengaruh secara signifikan terhadap budaya, menunjukkan keutamaan pada nilai-nilai kemanusiaan yang tidak berubah selama berkurun-kurun waktu tertentu dalam hal seni bina, teknologi, seni monumental, tatakota atau reka bentuk muka bumi, mengandungi perincian atau bukti bahawa pernah ada ritual peradaban pada masa lampau yang tersisa atau telah lenyap. Wujudnya rasa kekaguman pada sebuah bangunan, seni bina atau teknologi yang memiliki penggambaran tentang tahapan penting dalam sejarah peradaban manusia, wujudnya rasa kekaguman pada sebuah tempat tinggal, tanah, atau perairan yang dapat melambangkan budaya atau interaksi manusia dengan lingkungan, khususnya yang masih terpelihara terhadap perubahan zaman yang siknifikan, dan memiliki kaitan yang erat pada suatu

peristiwa atau tradisiter tentu, dari aspek pemikiran, kepercayaan, artistik dan sastera.
**http://www.marymartin.com/web?pid=760871**
-----------------------------------------------------------------------------------------------
Sejarah Arab Saudi: Buku Pertama Membongkar Sejarah Islam di Semenanjung Arab – Hijaz (Makkah dan Madinah) Sejak Zaman Rasululllah S.A.W. Hingga Sekarang / Dr Abdul Rahman Hj Abdullah
Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2020
268p.
9789672278375
$ 18.95 / PB

Buku ini mengupas sejarah Semenanjung atau Jazirah Arab sejak zaman Rasulullah s.a.w hingga sekarang. Inilah buku pertama yang mengupas persoalan seumpama ini dengan menyeluruh, yang diketahui tidak pernah diterbitkan oleh mana-mana penerbit di Alam Melayu ini. Terdapat dua kekeliruan besar dalam penulisan sejarah Semenanjung Arab ini. Pertama, selama ini dalam subjek Sejarah Islam kita hanya mengetahui sejarah Hijjaz atau Haramain (Makkah dan Madinah) pada zaman Nabi Muhammad s.a.w dan zaman Khulafa al-Rasyidin sahaja. Selepas itu sejarah Hijjaz terus hilang dan tenggelam akibat perubahan pusat politik ke Syam atau Damsyik dengan kenaikan Kerajaan Bani Umayyah, lalu berpindah ke Baghdad pada zaman Bani Abbasiyah, dan kemudiannya ke Istanbul pada zaman Uthmaniyah. Apa yang tinggal hanyalah Hijjaz (Makkah dan Madinah) sebagai pusat agama dan ibadah. Buku ini cuba mengisi kekosongan sejarah Hijjaz yang terabai sejak berakhirnya zaman Khulafa al-Rasyidin hingga tertubuhnya Kerajaan Arab Saudi pada tahun 1925. Selain itu, kekeliruan lain dalam penulisan sejarah tentang Sejarah Makkah dan Sejarah Madinah (yang diterbitkan di Arab Saudi) ialah ia hanya mengupas tentang sejarah Kaabah, Hajar al-Aswad, maqam Ibrahim , telaga Zamzam, Masjidil-Haram, Masjid Nabawi, Masya'ir dan sebagainya. Walaupun tema-tema seperti ini penting diketahui, tetapi ia lebih sesuai dalam perbahasan tentang ibadah Haji dan Umrah, bukannya dalam karya tentang sejarah Haramain (Makkah dan Madinah). Buku ini cuba membetulkan kekeliruan ini, dengan membahas sejarah Makkah dan Madinah dalam perpektif sejarah yang sebenar dan tepat . Dengan kenaikan Kerajaan Arab Saudi, kita berkesempatan untuk menumpu perhatian semula kepada kepentingan sejarah di Makkah dan Madinah yang selama ini terpinggir. Disamping jasa Kerajaan Saudi dalam pembangunan negara, terdapat juga sisi gelap yang berlaku di sebalik kemajuan yang pesat.

http://www.marymartin.com/web?pid=760872
------------------------------------------------------------------------------------------
Membongkar Sejarah Agama dan Budaya Melayu / Dr Abdul Rahman Hj Abdullah
Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2020
262p.
9789672278320
$ 19.45 / PB

Sebagai wilayah yang menjadi jalan persimpangan (crossroad) agama dan budaya, Alam Melayu mengalami perkembangan sejarah yang unik. Dari segi agama, ia bermula dengan tradisi agama atau kepercayaan asli, diikuti oleh agama atau kepercayaan asli, diikuti oleh agama Hindu dan Buddha dari India, dan agama Islam baik melalui India, Cina, ataupun terus dari Arab-Parsi. Dan dalam perkembangannya di Alam Melayu, walaupun pada prinsipnya ia mempunyai ciri-ciri yang distinktif atau berbeza, tetapi ia mengalami proses asimilasi baik secara sederhana mahupun secara berlebihan dalam bentuk sinkretisme. Bersama dengan kedatangan agama juga ia membawa kebudayaan dan tamadun yang meliputi berbagai aspek kehidupan dan pemikiran (life and thought). Berbeza daripada pandangan model sekular yang memisahkan urusan agama dan kehidupan sebaliknya dalam pandangan tradisional persoalan budaya berkait rapat dengan agama sebagai asasnya (foundation). Namun dalam perkembangan budaya, nampaknya pengaruh budaya Hindu bersifat elitis, pengaruh budaya Buddha bersifat rakyat, dan terutamanya budaya Islam lebih menyeluruh baik di peringkat atasan mahupun rakyat bawahan umumnya. Walaupun pada prinsipnya ajaran Islam berteraskan kesamaan darjat manusia kecuali kerana taqwanya, tetapi dalam praktiknya di Alam Melayu ada kalanya terdapat unsur perbezaan darjat dari segi penggunaan bahasa, adat istiadat, perundangan dan sebagainya.
http://www.marymartin.com/web?pid=747677
------------------------------------------------------------------------------------------
Hari Ini Dalam Sejarah: Peristiwa Orang Melayu 1500-2000 / Abdullah Sidek
Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2021
233p.
9789672278368
$ 18.95 / PB

Buku ini membincangkan mengenai 36 topik yang merangkumi isu bebas mengenai orang Melayu. Sering juga saya ditanya, "Bagaimana cikgu tahu

semua?". Saya jawab yang saya tidak mengetahui semuanya tapi saya tahu sedikit untuk setiap perkara. Cukuplah untuk menjawab soalan kamu. Buku ini juga menghidangkan pelbagai topik seperti penentangan, pengetahuan am, penjajahan, bahasa dan sebagainya. Semua fakta-fakta yang diberikan ialah berkaitan dengan Melayu dan orang Melayu. Ini merupakan sumbangan kecil untuk memberitahu kepada orang Melayu mengenai sejarah nenek moyang mereka, yang pernah berlaku pada suatu masa dahulu. Belajar sejarah bukanlah belajar tentang orang mati tetapi kita belajar dan mengambil iktibar daripada apa yang pernah dilakukan dan apa yang berlaku kepada si mati. Jika kita melupakan sejarah, sudah tentu kita akan mengulangi benda yang sama. Tentu sangat buruk jika kita melakukan 2 kesalahan yang sama. Dan yang penting sekali ialah anda sudah ada pengetahuan untuk 36 perkara atau peristiwa yang pernah berlaku di Tanah Melayu.
**http://www.marymartin.com/web?pid=760873**

--------------------------------------------------------------------------------------------

Sejarah Kerajaan Melayu Purba Yang Hilang Jilid 2 / Abdullah Sidek
Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2021
249p.
9789672278412
$ 19.45 / PB

Kesedaran orang Melayu mengenai sejarah bangsanya semakin meningkat dalam dekad-dekad yang terakhir ini. Kadar celik huruf yang tinggi dan pendidikan yang tinggi telah merangsang orang Melayu untuk mengorek kembali sejarah bangsanya dan kerajaannya. Orang Melayu bukanlah orang buta sehingga tidak mengambil kisah mengenai peredaran dunia bahkan orang Melayu telah mempunyai tamadun antara yang terawal di dunia. Penemuan Tamadun Sungai Batu di Merbok Kedah yang berusia sekitar 2600 tahun telah membuka mata masyarakat dunia tentang bangsa Melayu. Sebelum ini di dalam jilid 1, saya telah memuatkan 16 buah kerajaan dan untuk jilid yang kedua, sebanyak 15 buah kerajaan telah dipilih. Oleh itu, buku ini akan membawakan kepada anda mengenai kerajaan-kerajaan Melayu yang pernah wujud di Asia Tenggara. Selain sesuai untuk bacaan umum, buku ini juga sesuai untuk dijadikan rujukan oleh guru-guru di sekolah terutamanya guru sejarah kerana beberapa kerajaan Melayu yang hilang ini tutut disebutkan dalam buku teks. Ini secara tidak langsung menambah ilmu pengetahuan guru sekaligus dapat berkongsi dengan pelajar di dalam kelas yang akan membawa kelainan dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan di

dalam bilik darjah. Pelajar tentunya akan seronok apabila dapat mendengar benda baharu yang tiada dalam buku teks.
**http://www.marymartin.com/web?pid=760874**
-------------------------------------------------------------------------------------------
Diaspora Khatib Koyan: Penghulu di Kuala Lumpur / Suleiman Mohamed
Kuala Lumpur: Tan Sri Datuk Seri Dr. Suleiman Mohamed, 2020
viii, 236p.
9789671848500
$ 12.50 / PB
384gm.

Buku ini mengisahkan tentang Khatib Koyan yang menjadi Penghulu Gombak sekitar 1880an. Beliau dikenang kerana membina Masjid Madrasah al Rahmaniah di Jalan Khatib Koyan, Kuala Lumpur.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780672**
-------------------------------------------------------------------------------------------
Politik Untuk Pemula / Ayman Rashdan Wong (Ed) Zahida Zabri
Kuala Lumpur: Patriots Publishing Sdn Bhd, 2021
xvi, 272p.
Includes Bibliography
9789672437161

1. Political science.
2. Political culture – Malaysia.
3. Malaysia – Politics and government.

$ 19.00 / PB
378gm.

Apakah punca kekacauan politik? Bagaimanakah untuk mewujudkan kerajaan yang stabil? Sejauh mana kita faham tentang sistem 'demokrasi berparlimen dengan raja berperlembagaan' yang diamalkan oleh negara kita? Mengapa ahli politik sukar menunaikan janji? Persoalan-persoalan ini hanya mampu dijawab jika kita mempunyai asas pengetahuan tentang institusi-institusi, ideologi-ideologi dan prinsip-prinsip dalam politik. Kalau anda berasa keliru dengan keadaan politik semasa, atau berasa bosan dengan perbahasan politik yang sekadar mengangkat pujaan dan menghina lawan pujaan masing-masing, buku ini akan membantu anda membina perspektif baharu dan segar tentang politik.
**http://www.marymartin.com/web?pid=789002**
-------------------------------------------------------------------------------------------

Wanita dalam Sorotan Sejarah Tanah Air / (Eds) Azlizan Mat Enh, Zubaidah Hamzah & Ku Boon Dar
Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM, 2021
viii, 352p.
Includes Index
9789672975052
1. Malaysia – History.
2. Women – History – Malaysia.

$ 20.00 / PB
536gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=789003
-----------------------------------------------------------------------------------------
Peranan Tokoh Agama Dalam Sejarah Perjuangan Kemerdekaan Malaysia / (Eds) Farid Mat Zain, Noorsafuan Che Noh & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2021
408p.
9789672510390
1. Ulama – Malaysia.
2. Nationalist – Malaysia.
3. Islam and state.
4. Malaysia – History.

$ 30.00 / PB
608gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=777026
-----------------------------------------------------------------------------------------
Institusi Raja: Pelbagai Kisah Kesultanan di Alam Melayu / Ishak Saat & Ahmad Zainuddin Husin
Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM, 2021
xii, 220p.
Includes Index
9789672975489
1. Monarchy – Malaysia.
2. Malaysia – Kings and rulers.

$ 20.00 / PB
346gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=789004
-----------------------------------------------------------------------------------------
Nilam Puri: Antara Persepsi dan Pencapaian / (Eds) Mahmood Zuhdi Ab Majid, Ahmad Baei Jaafar & Siti Alawiyah Md Zainal

Kuala Lumpur: Ilham Books, 2021
322p.
9789671745410
1. Universiti Malaya. Akademi Pengajian Islam – History.
2. Islamic religious education – History – Malaysia.
3. Islamic universities and colleges – Malaysia.
4. Islamic education – Malaysia.

$ 20.00 / PB
278gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=789005**
------------------------------------------------------------------------------------------
Dari Selangor ke Banjarmasin / Mohammed Salleh Lamry
Kajang, Selangor: Mohamed Salleh Lamry, 2021
160p.
9789671945308
$ 10.00 / PB
190gm.

Pada pertengahan abad ke-19 hingga awal abad ke-20 banyak orang Banjar dari Kalimantan Selatan (Kalsel) yang berhijrah ke Malaysia. Sebahagian daripada mereka di Selangor dan tidak pernah pulang lagi ke Kalsel. Anak cucu mereka juga kebanyakannya tidak pernah berkunjung ke Kalsel, kerana kesukaran perhubungan pada masa itu. Namun, sejak awal abad ke-21, ketika perhubungan sudah agak mudah, sudah ramai keturunan mereka yang berkunjung ke Kalsel, sama ada untuk menemui keluarga atau melancong. Penulis buku ini salah seorang keturunan Banjar generasi ke-3 dari Selangor yang telah berulang kali berkunjung ke Kalsel, mulai tahun 2008 hingga tahun 2019. Oleh itu, buku ini merakamkan kisah dan kenangan kunjungan beliau ke Kalsel, yang bermula dengan tujuan untuk menemui keluarga, kemudian berulang dengan tujuan lain, seperti melakukan penelitian, dan menghadiri konferensi dan kongres, khasnya Kongres Budaya Banjar.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780674**
------------------------------------------------------------------------------------------
**Law**

Isu Kekeluargaan Islam dan Undang-Undang Malaysia / (Eds) Faridah Jalil & Muhamad Helmi Md Said
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2019
196p.

Includes Index
9789672388074
1. Islamic law – Malaysia
2. Families – Religious aspects – Islam.

$ 20.00 / PB
290gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780761**
------------------------------------------------------------------------------------
Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga di Malaysia / Daleleer Kaur Randawar & Najibah Mohd Zin
IIUM Press Translation Book Series
Kuala Lumpur: IIUM Press, 2022
xiv, 234p.
Includes Index; Bibliography
9789674910822
1. Family violence – Law and legislation – Malaysia.
2. Domestic relations – Malaysia.
3. Marriage law – Malaysia.

$ 47.50 / PB
368gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=783116**
------------------------------------------------------------------------------------
Undang – Undang Adat Negeri Kedah Abad ke 19: Milik Ku Din Ku Meh / Jelani Harun (et al.)
Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM), 2021
xii, 268p.
Includes Index; Bibliography
9789674615710
1. Adat law – Malaysia – Kedah.
2. Customary law (Islamic law).
3. Malays (Asian people) – Malaysia – Social life and customs.

$ 24.00 / PB
428gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784338**
------------------------------------------------------------------------------------

Isu Kekeluargaan dan Undang-Undang Di Malaysia / (Eds) Muhamad Helmi Md Said, Fatimah Yusro Hashim & Zainunnisa Abd Rahman
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2021

192p.
Includes Index
9789672512424
1. Families – Malaysia.
2. Domestic relations – Malaysia.
3. Domestic relations (Islamic law) – Malaysia.

$ 17.50 / PB
298gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=777019**
--------------------------------------------------------------------------------------

**Linguistics**

Kaedah dan Teknik Penyelidikan Linguistik Melayu / (Eds) Maslida Yusof, Karim Harun & Rahim Aman
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2021
256p.
Includes Index
9789672512660
1. Malay languages – Usage.
2. Linguistics.
3. Malay language – Research.

$ 20.00 / PB
378gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784339**
------------------------------------------------------------------------------------------
Isu Kotemporari Bahasa Minoriti Bugis di Malaysia / (Ed) Sharifah Raihan Syed Jaafar
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2021
122p.
RM
9789672512592
1. Bugis language.
2. Language and languages.

$ 12.50 / PB
196gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=777020**
------------------------------------------------------------------------------------------
Bibliografi Dialek Melayu di Pulau Sumatera / James T. Collins
Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021
xxxvi, 208p.
Includes Index
9789836247926

1. Malay language – Dialects – Sumatera (Indonesia) – Bibliography.

$ 15.00 / PB
200gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784340**
-----------------------------------------------------------------------------------------

**Literature**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dalam Cerita-Cerita Lisan Melayu / Mohd Firdaus Che Yaacob
Bachok, Kelantan: Penerbit UMK, 2021
x, 182p.
Includes Index ; Bibliography
9789672912460

1. Folk literature – Malay – History and criticism.
2. Oral tradition – Malaysia.
3. Government publications – Malaysia.

$ 19.50/ PB
300gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784337**
--------------------------------------------------------------------------------------------
Human Calculator: Be Your Own Calculator / Yaashwin Sarawanan
Kuala Lumpur: WhiteCoat Books, 2021
1v.
9789671750940
$ 12.50 / PB

**Comics/Graphic Novel**

Mahu Mengira Sepantas Kalkulator?
Ingin menarik perhatian guru, rakan-rakan dan ahli keluarga dengan kehebatan menyelesaikan masalah berkaitan pengiraan?
Buku Ini Ada Jawapan. Formula rahsia daripada anak muda Malaysia yang pertama menjadi Naib Juara Asia's Got Talent 2019, Yaashwin Sarawanan, 'The Human Calculator.'
**http://www.marymartin.com/web?pid=763643**

---------------------------------------------------------------------------
Dalam Bilik Darjah 2.0 / Sofuan Saadon
Malaysia: Katapilar Books, 2021
215p.
9789672014935
$ 12.50 / PB
**[http://www.marymartin.com/web?pid=786252](http://www.marymartin.com/web?pid=786252)**
---------------------------------------------------------------------------
Misteri Sumpahan Mahsuri Berdarah Putih / Ibnu Ibrahim At- Tawari
Malaysia: Karya Publika, 2021
1v.
9789672394198
$ 14.95/ PB

Mahsuri membesar dan diasuh dengan penuh adat resam serta tatasusila [tatasusila] oleh kedua orang tuanya. Sejak zaman kanak-kanak lagi Mahsuri telah menunjukkan ciri-ciri luar biasa di mana dia tidak seperti kanak-kanak lain. Sehingga meningkat dewasa, ciri-ciri kewanitaannya
lebih terserlah, dengan wajah yang cantik rupawan, serta hati budi yang sangat baik. Sehinggakan menjadi buah mulut seluruh penduduk Langkawi dan akhirnya sampailah ke telinga Datuk Pekerma Jaya. Dia adalah wakil sultan, memerintah Langkawi pada masa tersebut.
Mahsuri dikahwinkan dengan Wan Derus, iaitu adik kepada Datuk Pekerma Jaya dan Wan Mahora. Mahsuri hamil ketika Wan Derus keluar dari Langkawi kerana pergi berperang dengan tentera Siam di Kuala Kedah.
Sepeninggalan beliau, Mahsuri dikhabarkan tinggal bersama ibu bapanya.
Ketika waktu tersebut, Deramang, seorang penyair kembara singgah di Langkawi. Kebolehannya menambat hati penduduk Langkawi lalu dengan ihsan ibu bapa Mahsuri, Deramang tinggal di rumahnya untuk mengajar syair.
**[http://www.marymartin.com/web?pid=763644](http://www.marymartin.com/web?pid=763644)**
---------------------------------------------------------------------------
Hang Tuah di Lautan Ceritera / Muhammad Haji Salleh (Sasterawan Negara)
Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM), 2021
x, 158p.
Includes Index; Bibliography
9789674615468

1. Hang Tuah, active 1470 – Legends.
2. Folk Literature, Malay – History and criticism.

$ 17.50 / PB

290gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=735078
---------------------------------------------------------------------------
Syair Perlembagaan Negeri Brunei: Gagasan Persuratan Baru / Nurdiyana Abd Ghani & Zubir Idris
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2021
134p.
Includes Index
9789672512981
1. Malay poetry – History and criticism.
2. Malay poetry – Brunei.
3. Bruneian poetry – History and criticism.
$ 15.00 / PB
208gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=784327
---------------------------------------------------------------------------
Teori-Teori Sastera Barat Dalam Tangan Sarjana Malaysia / Mohd Affandi Hassan (Intro) Ungku Maimunah Mohd. Tahir
Kuala Lumpur: Wadi Al-Irfan (Akademi Jawi Malaysia), 2021
xii, 326p.
Includes Index
9789672422204
1. Literature – History and criticism
2. East and West in literature.
3. Malay literature – Criticism, Textual.
$ 22.50 / PB
542gm.

Teori-Teori Sastera Barat Dalam Tangan Sarjana Malaysia secara kritis dan jelas mempersembahkan hujah penulis terhadap ketaksuban dunia akademik sastera Melayu masa kini terhadap teori-teori Barat yang disusun dalam sembilan bab. Buku ini dimulakan dengan membangkitkan persoalan tentang apakah menggunakan teori-teori sastera Barat itu menjadi satu kesalahan, dan diikuti dengan tujuh bab berikutnya yang bakal menjawab persoalan tersebut. Bab terakhir mengajukan Gagasan Persuratan Baru sebagai satu pilihan untuk keluar daripada kebergantungan sastera Melayu moden terhadap teori-teori sastera Barat.
Gagasan Persuratan Baru menghulurkan tangan untuk membantu golongan yang keliru ini keluar daripada kekeliruan mereka, dengan mengajak mereka

melihat kembali kedudukan mereka berasaskan konsep ilmu yang benar sebagai ukuran utama.
Buku ini dimulakan dengan membangkitkan persoalan tentang apakah menggunakan teori-teori sastera Barat itu menjadi satu kesalahan, dan diikuti dengan tujuh bab berikutnya yang bakal menjawab persoalan tersebut. Bab terakhir mengajukan Gagasan Persuratan Baru sebagai satu pilihan untuk keluar daripada kebergantungan sastera Melayu moden terhadap teori-teori sastera Barat.
**http://www.marymartin.com/web?pid=789006**
---------------------------------------------------------------------------
Kumpulan Puisi: Bara Hujan / Rudi Mahmood
Selangor: Kata-Pilar Books, 2021
80p.
9789672014911
$ 11.50 / PB
**http://www.marymartin.com/web?pid=763646**
---------------------------------------------------------------------------
Kumpulan Puisi : Daftar Mimpi / Abdullah Hussaini
Selangor : Kata-Pilar Books, 2021
92p.
9789672014898
RM 23.00 ; USD 11.50 / PB
**http://www.marymartin.com/web?pid=763649**
---------------------------------------------------------------------------
Landasan Hidup: Antologi Sastera Kebangsaan / Uthaya Sankar SB
Shah Alam: Uthaya Sankar SB, 2020
viii, 128p.
9789671362495
$ 12.50 / PB
162gm.

Antologi “Landasan Hidup” (2020) memuatkan puisi, cerpen dan esei Bahasa Malaysia yang dihasilkan oleh 14 penulis pelbagai kaum.
Menerusi buku ini, pembaca berpeluang mengenali citra masyarakat dan budaya Malaysia yang disampaikan menerusi penggunaan Bahasa Malaysia. Beberapa topik yang sensitif dan jarang diperkatakan turut disentuh dengan berani oleh beberapa penulis secara penuh kreatif.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780755**
---------------------------------------------------------------------------

Kumpulan Puisi: Kata-Kata Yang Muncul Di Cermin / Hidayyah AT Mizi
Selangor: Kata-Pilar Books, 2021
92p.
9789672014904
RM 23.00; USD 11.50 / PB

Dengan tangan yang sudah lenguh menadah aku meminta agar bahangmu membakarku rentung. lalu menukar tubuh terpanggang menjadi sebuku roti dan secawan susu.
Sebuah cermin tergantung di dinding, kita renung sedalamnya: kata-kata apakah yang muncul dalam fikiran wajah kita yang terpantul saat itu?
Hidayyah AT Mizi membawa cetusan kritikan social sehinggalah remuk redam cinta dan rindunya yang terdalam. Segalanya lunak terpantul dalam setiap halaman naskhah sulungnya ini.
**http://www.marymartin.com/web?pid=763651**
---------------------------------------------------------------------------
Lelaki Itu Imamku / East Diani
Malaysia: Karya Publika, 2021
1v.
9789672394174
$ 14.45 / PB

Akibat tersilap langkah mengatur jalan hidup, rosak masa depan Alisya. Kerana seorang lelaki harga diri yang dijaganya musnah. Hidupnya musnah dan masa depannya hancur. Saat dia rebah Haikal Mikail hadir bagaikan seorang penyelamat walaupun hubungan mereka bagaikan anjing dengan kucing yang selalu bercakaran. Abang teman baiknya itu ada sebab mengapa dia ingin membantu. Semuanya kerana maruah seorang wanita.
"Hah, sebab sayang habis semua maruah diri digadaikan. Masa nak buat tu tak pernah nak fikir ke? Dah jadi macam ni baru nak menangis melalak." Mikhail.
Bukan kerana menyerahkan diri, tapi kerana perangkap Alisya tersungkur.
Lelaki yang disangka akan menjaganya sendiri memusnahkan semuanya.
"Saya tak minta pertolongan awak. Dan awak tak perlu nak
tolong saya."
"Saya akan tolong awak, Alisya. Maruah awak dan keluarga
penting untuk saya."
Alisya dan Mikhail bersatu, walaupun dalam hati tiada cinta.
Sebagai seorang suami Mikhail bertanggungjawab di atas kebajikan Alisya.
Dari rasa simpati, lama-kelamaan ada putik- putik cinta hadir singgah

menyentuh hati lelakinya. Rasa kasih itu buatkannya ingin terus mendekati Alisya.
http://www.marymartin.com/web?pid=763652
---------------------------------------------------------------------------
Bersendiri ke Pantai / Kamal Effendi (Eds) Dr. Anwar Fazal & Nabieh Rahmat
Kuala Lumpur: WhiteCoat Group Sdn. Bhd., 2020
176p.
9789671750988
$ 27.50 / HB
245gm.

Kumpulan puisi suka duka, dingin, kehilangan abadi, patah hati dan bersendiri, dikumpulkan penyair buat pertama kali, untuk berkongsi pengalaman manusiawi, berkelana di medan pilu sambil mencoreng cerita-cerita lalu, kisah hiba dan hikayat sepi dalam bait kata indah,
tatkala memujuk hati bahawa hidup tidak pernah bersendiri selagi ada huruf dan bait baris kata yang memahami.
http://www.marymartin.com/web?pid=745549
---------------------------------------------------------------------------
Rindu Bersulam Cinta: Sebuah Novel Cinta / Zaza Qry (Ed) Along
Naka, Kedah: Aniza binti Yahud, 2021
544p.
$ 16.00 / PB
430gm.

Nadra tak pernah berharap akan dijodohkan dengan pilihan ibu dan bapanya. Bagi dia, perjanjian mereka itu membuatkan dia rasa seperti dikongkong. Walaupun tidak suka, tapi demi nak gembirakan hati kedua-dua orang tuanya dia bersetuju. Tapi, belum sempat berkahwin Nadra dan tunangnya berpisah. Kerana sakit hati ditinggalkan, Nadra membuat keputusan untuk menceburi bidang yang dia sendiri tidak suka. “Karier kami berbeza dengan karier orang lain. Macam karier Encik Firraz cipta baju untuk menutup tubuh, tapi kami sebagai model, baju yang dicipta untuk mendedahkan kami.” – Nadra. “Saya rasa Cik Nad patut berhenti daripada benarkan orang tengok susuk tubuh Cik Nad atas pentas peragaan. Rugi betul bila badan cantik macam ni, bagi ramai lelaki menikmati.” -Firraz. Bagi Firraz selama lima tahun meninggalkan Nadra, dia dapat melihat sisi Nadra dahulu. Sisi Nadra yang suka memuntahkan laharnya bagaikan gunung berapi. Tapi, sayang Nadra bagaikan orang lain di depannya, bukan lagi gadis remaja berusia 18 tahun. “Kalau jadi apa-apa

dekat Cik Nad nanti, saya juga yang merana."- Firraz "Encik Firraz jangan buat pasal suka dekat saya. Bini Encik Firraz tu datang serang saya nanti. Saya ni model, orang kata model ni perosak dan perampas."- Nadra Ada hati nak masuk jarum dengan aku pula? Kalau dah kahwin tu buat cara suami oranglah. Jangan pandai-pandai nak masuk jarum dengan anak dara. Firraz beritahu Nadra dia mahu menebus semula apa yang telah berlaku dulu. Nadra pula tak akan sesekali mendekati Firraz yang sudah mempunyai isteri dan anak itu. Tapi, bila kebenaran terbongkar, adakah Nadra akan menerima Firraz?
**http://www.marymartin.com/web?pid=780756**
--------------------------------------------------------------------------
The One: Yang Terunggul / Melur Jelita
Malaysia: Anggun Melor Sdn Bhd, 2021
196p.
9789671844915
$ 20.00 / PB
**http://www.marymartin.com/web?pid=780170**
--------------------------------------------------------------------------
Cahaya Di Langit Gaelic / Syiffa Rosman
Malaysia: WhiteCoat, 2021
247p.
9789671915240
$ 15.00 / PB

Nuraiman Amni, seorang gadis biasa dari keluarga sederhana tetapi mempunyai impian luar biasa. Ada orang katakan untuk berjaya, kita perlu ada latar belakang keluarga yang bukan biasa-biasa. Nuraiman Amni percaya, maksud mereka bukan biasa-biasa itu adalah semangat dan ketelusan dalam pengharapan kepada Tuhan.
Cahaya Di Langit Gaelic mengisahkan sosok gadis bernama Nuraiman Amni dalam mengharungi cabaran hidup millennial di benua Eropah. Berbekalkan semangat dan pengharapan yang tak pernah putus kepada Tuhan, Nuraiman cuba merealisasikan impian untuk bergelar graduan luar negara walaupun tanpa tajaan biasiswa. Di bumi Shamrock itu juga dia belajar tentang erti hidup bertuhan yang hakiki menerusi pertemuannya dengan Mikel dan Vivian. Tak mudah menyarungkan pakaian Muslim di Eropah tapi tak bermakna harus dibiar terjajah. Cahaya Di Langit Gaelic adalah sebuah kisah kehidupan dalam

memaknai cinta, meneroka cita-cita dan teguh beragama.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780171**
--------------------------------------------------------------------------
Surat Untuk Azazil / Osman Deen
Malaysia: WhiteCoat, 2021
207p.
9789671915233
$ 15.00 / PB

Malik merupakan seorang pelajar yang telah menangguhkan pelajaran untuk menjaga ayahnya yang terlantar sakit kanser. Setelah berbulan menjaga ayah dan tidak mempunyai teman untuk bercerita, Malik telah mula menulis surat kepada Azazil untuk meluahkan segalanya. Di dalam surat pertama, Malik telah menyatakan niat untuk membunuh ayahnya. Tanpa dia ketahui, surat yang dia selitkan di celah sebuah buku sampai kepada seorang gadis bernama Kuntum, merentasi ruang dan masa.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780172**
--------------------------------------------------------------------------
Belongs to Mr Devil / Rinsya Chasiani
Malaysia: Rinsya Chasiani, 2021
1v.
9789672813002
$ 15.50 / PB

Seorang gadis berusia 16 tahun, Arayana telah diperangkap dalam aturan perkahwinan dengan abang dua pupunya, iaitu Malek Darren Ng. Ditinggalkan selama 5 tahun tanpa kata putus, Arayana menganggap perkahwinannya telah pun terlerai. Namun kemunculan semula Malek mengundang bencana dalam jiwanya. Malek tanpa belas kasihan memaksa Arayana untuk tinggal bersama dengannya. Bertahankan Ara dalam genggaman si 'Devil' itu? Adakah dia bakal menyerah kalah dan tunduk pada 'Devil' yang dibencinya selama ini?
**http://www.marymartin.com/web?pid=780186**
--------------------------------------------------------------------------
Belongs to Mr Perfect / Rinsya Chasiani
Malaysia: Rinsya Chasiani, 2021
1v.
9789672813019
$ 17.00 / PB

Penceraian Dylan Rafikk dan Raihanna bermula dari punca tekanan kehidupan. Namun Dylan tidak pernah melepaskan Anna dalam erti kata yang sebenar. Dia mencari titik tolak punca masalah namun mengalami kemalangan sebelum sempat memperbaiki hubungannya dengan Anna. Adakah jodoh mereka terlerai begitu sahaja?
**http://www.marymartin.com/web?pid=780187**
---------------------------------------------------------------------------
Hero Qaila / Rinsya Chasiani
Malaysia: Rinsya Chasiani, 2021
1v.
9789672813057
$ 17.50 / PB
**http://www.marymartin.com/web?pid=780188**
---------------------------------------------------------------------------
Tuan Editor Garang / Rinsya Chasiani
Malaysia: Rinsya Chasiani, 2021
1v.
9789672813040
$ 17.50 / PB
**http://www.marymartin.com/web?pid=780189**
---------------------------------------------------------------------------
Jadikan Aku Yang Pertama / Mia Azwari
Malaysia: Rinsya Chasiani, 2021
1v.
9789672813071
$ 16.50 / PB
**http://www.marymartin.com/web?pid=783465**
---------------------------------------------------------------------------
Cinta Hati Zulaikha / Anithsya
Malaysia: Rinsya Chasiani, 2021
1v.
9789672813064
$ 17.50 / PB

Putri Nur Zulaikha. Seorang gadis yang periang di sisi keluarga tercinta. Walau bagaimanapun, status bujang yang dipegangnya bertukar kepada isteri orang pada usia tujuh belas tahun.
“Saya masih muda tapi kenapa saya perlu bernikah?” - Zulaikha.
Tengku Zafi Aakif. Anak angkat dalam keluarga Zulaikha. Kerana krisis

rumahtangga ibu bapanya, Zafi semakin rapat dengan keluarga gadis itu.
Zafi mula menyimpan perasaan terhadap adik angkatnya sehingga mengambil keputusan melulu untuk menculik Zulaikha.
“Aku cuma nak kau aje dalam hidup aku, Ika” - Zafi
Kerana desakan keadaan, Zulaikha menerima Zafi dan lama-kelamaan rasa cinta mula bercambah buat lelaki itu.
Namun mencintai Zafi bukan semudah yang disangka.
Dengan usianya yang masih muda, dia terpaksa menempuh semua halangan termasuklah kemalangan yang menimpa Zafi sehingga membuatkan Zafi hilang di tempat kejadian. Sepuluh tahun Zulaikha menanti kepulangan Zafi. Sepuluh tahun juga dia terpaksa membesarkan anaknya seorang diri.
Mampukah dia bertemu dengan Zafi setelah lama lelaki itu menghilangkan diri?
“Aku cuma nak musnahkan keturunan Mardhiah. Selepas keturunan dia mati, barulah aku akan tenteram”.
Dalam dua hati yang berpisah, tiada yang menyangka… ada satu hati lagi yang merancang perkara keji dalam hidup Zulaikha.
**http://www.marymartin.com/web?pid=783466**
--------------------------------------------------------------------------
Lastik Kayu / Norsamila Samsudin
Kuala Lumpur: Menara Seni, 2021
1v.
9789671647868
$ 15.00 / PB

‘LASTIK KAYU’, kisah seorang gadis yang degil dan tegas pendirian - Nur Syakila binti Hassan. Terpengaruh dengan kelasakan dua abang kembar di atasnya menyebabkan dia hilang identiti seorang gadis. Berambut pendek dan menggemari permainan yang lasak, Syakila sukar mendapat kawan dari kalangan rakan-rakan perempuan sebaya.
Hijab pandangnya yang terbuka juga, lebih menyukarkan dia untuk mendapat kepercayaan, dilepaskan jauh daripada ibu dan ayahnya. Kekerapan dia hilang di bahagian rooftop apartmen rumahnya menyebabkan pergerakannya di’ikat’ oleh si ibu. Dia menjadi bertambah degil bila keinginan untuk meneroka dunia, terhalang. Keputusan Hassan berpindah ke kampung, menjadi tiket kebebasan buat Syakila.  Lebih-lebih lagi bila dia bertemu dengan anak jiran sebaya, yang bukan sahaja boleh menerima kepelikan dirinya, malah mereka mempunyai minat yang sama. Yang berbeza hanyalah – teman baru itu berlainan jantina. Sya dan Azril ibarat kembar yang bersaing. Berhujah dalam

setiap perkara baru, berkongsi minat membaca dan meneroka. Persahabatan bertambah menarik bila muncul seorang lagi rakan yang sama faham. Mereka bukan sahaja berkawan baik, malah saling membantu bila Syakila diuji dengan sehebat-hebat ujian.
Tiada dengki, apatah lagi iri hati. Masing-masing akur dengan pendirian dan perjanjian persahabatan. Hidup, jika ingin bahagia, perlu terlebih dahulu membahagiakan. Hikmah rahsia Tuhan, hanya terbongkar bila sabar dan ikhlas dijadikan landasan. Persahabatan mereka, ibarat lastik kayu yang ada tiga cabang. Dua mencapang, satu pemegang sebagai sokongan. Tanpa salah satu, ia pincang.
**http://www.marymartin.com/web?pid=776718**
------------------------------------------------------------------------
Edan dan Loka / Syameen Khalili
Kuala Lumpur: Menara Seni, 2021
1v.
9789671647875
$ 16.50 / PB

Book Details:
Edan Dalam Loka mengisahkan seorang wanita, Tiara yang mempunyai bakat melihat dan menafsir aura manusia. Dia juga boleh mendengar isi hati manusia yang dipacu perasaan yang kuat sehingga terpaksa mempelajari teknik 'sempadan minda' yang diwarisi oleh ahli keluarganya yang mempunyai bakat yang sama. Bakat Tiara menjadi tumpul apabila dia bertemu Emry. Apabila berdepan dengan jejaka itu Tiara tidak diganggu tusukan aura dan isi hati manusia di sekelilingnya. Tatkala Tiara cuba merapati Emry, derianya diledak oleh kemelut seorang sahabat karib yang diterjah musuh lama. Sahabatnya Edayu berusaha untuk memendam emosi apabila diasak Fairul, jejaka yang sudah lama mengganggu ketenangannya. Namun kasih dan setiakawan Tiara terhadap Edayu yang sengsara itu, melemaskannya. Akhirnya, hanya kejujuran menyelamatkan mereka semua.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784155**
------------------------------------------------------------------------
Ostal Power Metal: Novel /Mitch
Kuala Lumpur: Menara Seni, 2021
1v.
9789671647882
$ 17.50 / PB

Ia mengisahkan tentang seorang pemuda yang bernama Osman dengan gelaran Ostad, mengajar di sekolah pondok Tanwiriah. Suatu hari beliau dimaklumkan sekolah akan ditutup kerana pentadbiran akan mengambil alih dan sistem pembelajaran baru akan dikuatkuasakan. Memandangkan dia tidak mempunyai kelayakan yang setaraf dengan kehendak pentadbir baru, Osman cuba mencari pekerjaan lain sementara mendapat kerja mengajar semula. Puas beliau mencari sana-sini, akhirnya terpandang satu iklan yang mencari seorang penyanyi kumpulan muzik irama power metal. Beliau pada mula serba-salah kerana takut dipandang serong oleh masyarakat sekeliling tapi memandangkan tiada pilihan, dia mencuba masuk audisyen dan berjaya. Bermulalah kehidupan Osman sebagai seorang penyanyi kumpulan Icarus yang sedang bertapak di arena 'bawah tanah.' Pada mulanya Osman agak skeptikal menyertai kumpulan seperti itu, namun sedikit demi sedikit barulah dia merasa peranannya untuk hadir dalam grup itu dan tugas lain dalam dunia muzik bawah tanah. Namun langit tak selalu cerah, dugaan demi dugaan datang mencabar, bermula dengan masalah ahli-ahli Icarus, keluarganya sendiri dan masyarakat. Dia pernah menyerah namun atas sokongan guru dan beberapa ahli keluarganya, beliau bangkit kembali dan yakin tentang tugas beliau di dunia 'bawah tanah.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784159**
--------------------------------------------------------------------------

Bougainvillea: Kerana Kau Bunga Larangan / Ain Razak
Kuala Lumpur: Menara Seni, 2021
1v.
9789671647899
$ 16.00 / PB

Qaseh Mawaddah dilahirkan di dalam keluarga yang sederhana. Mempunyai perwatakan yang menarik dan lemah lembut serta disenangi sesiapa. Segalanya berubah tatkala dia diuji dengan ujian-ujian yang mematangkan dirinya. Dituduh sebagai pembunuh, buat dia menjauhkan diri. Namun, segalanya tidak berhenti di situ sahaja. Sekali lagi dia diuji. Diri dinodai, kepercayaan dikhianati. Lantas dia pergi membawa diri. Ujian demi ujian datang menimpa, dibuang keluarga sehingga dia mempertaruhkan kebahagiaan sendiri. Namun, ibarat kata pepatah, yang pahit akan ada manisnya. Derita pastinya diakhiri kebahagiaan. Dia pasrah atas segala ketentuan.
**http://www.marymartin.com/web?pid=786250**
--------------------------------------------------------------------------

Himpunan Kisah Seramistik!: Wujud / Nazreez Redza
Kuala Lumpur: Menara Seni, 2021
1v.
9789672628705
$ 15.00 / PB

Buku yang mengandungi 30 buah tajuk ini menceritakan beberapa kisah pengalaman sebenar Dunia Alam Mistik yang dilalui sendiri oleh mereka yang tertentu, insan-insan yang terpilih untuk melihat sendiri akan keWUJUDan sebenar berkenaan Alam Ghaib, Dunia Makhluk Halus dengan izin serta kehendak dari-Nya juga. Kisah-kisah yang dilalui di kala menghadapi situasi yang tidak pernah terjangkau oleh pemikiran akal normal. Setiap kisah ada jalan cerita ceritanya yang tersendiri. Hanya yang melaluinya saja lebih telus mengerti keWUJUDan sebenar akan kehadiran 'SESUATU' yang berlaku di dalam aturan jalan penghidupan. Apa yang dilalui, dirasai, dihadapi serta ditempuhi oleh mereka sendiri di saat getir itu, ia tetap WUJUD hingga ke akhirnya ....
**http://www.marymartin.com/web?pid=786251**
-----------------------------------------------------------------------------
**Philosophy**

Falsafah Ilmu: Perspektif Bersepadu – Edisi Baharu / Noor Hisham Md Nawi
Bachok, Kelantan: Penerbit UMK, 2021
New Edition
xiv, 310p.
Includes Index; Bibliography
9789672912668
1. Knowledge. Theory of.
2. Philosophy.

$ 17.50 / PB
470gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784336**
------------------------------------------------------------------------------------------------

**Politics/Current Affairs**

Pilihan Raya Demokrasi Malaysia: Tanding, Pilih, Menang dan Tadbir / Ab. Rashid Ab. Rahman & G. Manimaran

Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2021
xxxiv, 764p.
9789674881726

1. Elections – Malaysia.
2. Election law – Malaysia.
3. Malaysia – Politics and government.

$ 70.00 / PB
1566gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=763686**
------------------------------------------------------------------------------------------
Dinamika Politik Pilihanraya Di Malaysia Dalam Pru- 14 / Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff
Kota Bahru, Kelantan: Penerbit UMK, 2021
xxiv, 598p.
Includes Index
9789672912088

1. Elections – Malaysia – 2018.
2. Political parties – Malaysia.
3. Malaysia – Politics and government.

$ 43.00 / PB
802gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784328**
------------------------------------------------------------------------------------------
Keselamatan Insan Terjamin?: Pelarian Moro dan Rohingya di Malaysia / Aizat Khairi
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2021
194p.
Includes Index
9789672510024

1. Refugees – Government policy – Malaysia.
2. Refugees – Philippines.
3. Muslims – Philippines.
4. Refugees – Burma.
5. Rohingya (Burmese people).

$ 17.50 / PB
298gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=764194**
------------------------------------------------------------------------------------------

Transformasi Budaya Politik Melayu Terengganu / Ilyas Abdullah, Jamaie Hamil & Sity Daud
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Melayu (UKM Press), 2021
162p.
Includes Index
9789672511557

1. Terengganu (Malaysia) – Politics and government.
2. Political culture – Malaysia – Terengganu.
3. Malays (Asian people) – Malaysia – Terengganu – Politics and government.

$ 15.00 PB
265gm.
**[http://www.marymartin.com/web?pid=763793](http://www.marymartin.com/web?pid=763793)**
------------------------------------------------------------------------------------------
Geografi Pilihan Raya Di Malaysia: Amalan dan Aplikasi / (Eds) Amer Saifude Ghazali & Junaidi Awang Besar
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2021
xii, 292p.
Includes Index
9789674881870

1. Electoral geography – Malaysia.
2. Political geography – Malaysia.
3. Elections – Malaysia.

$ 34.00 / PB
458gm.
**[http://www.marymartin.com/web?pid=780641](http://www.marymartin.com/web?pid=780641)**
------------------------------------------------------------------------------------------
Malaysia – Indonesia: Narasi-Narasi Lintas Budaya dan Negara / (Ed) Muhammad Febriansyah & Haris Zuan
Petaling Jaya: SIRD-Strategic Information and Research Development Centre, 2021
xxii, 234p.
9789672464235

1. International relations.
2. Malaysia – Cultural relations – Indonesia.
3. Malaysia – Foreign relation – Indonesia.
4. Malay essays.
5. Authorship – Anecdotes.

$ 19.50 / PB

392gm.

Koleksi esei-esei di dalam buku ini merupakan sebuah cerminan hubungan inter-personal yang rumit namun mengikat kita yang mendiami ranah ini. Ia menawarkan sebuah kilasan terhadap dunia dalaman Asia Tenggara di mana idea kepemilikan bersama masih wujud, meskipun tidak semestinya diartikulasikan melalui perbendaharaan kata mencerminkan hal tersebut. Kualiti organik esei-esei ini – memandangkan ianya datang dari hati dan sangat dekat dengan pengalaman kita sehari-hari, kerinduan dan keresahan – menunjukkan kedudukannya sebagai suara pinggiran (subaltern) sebenar, iaitu mereka yang tidak semestinya berada di pusat kekuasaan atau yang memegang kuasa, tetapi hidup mereka dibentuk oleh kuasa – ekonomi, politik, diplomasi. Oleh itu, ia mencerminkan kehidupan sebenar masyarakat Asia Tenggara saat ini. – **Farish A. Noor**, Nanyang Technology University, Singapore
[http://www.marymartin.com/web?pid=778313](http://www.marymartin.com/web?pid=778313)
----------------------------------------------------------------------------------------------
Hegemoni UMNO: Pembangunan dan Keruntuhannya Menurut Teori Kitaran Ibnu Khaldun / Firdaus Zainal
Petaling Jaya: SIRD-Strategic Information and Research Development Centre, 2021,
x, 130p.
Includes Bibliography
9789672464327
1. UMNO.
2. Hegemony.
3. Political parties – Malaysia.
4. Political science – Malaysia.
5. Political culture – Malaysia.
6. Malaysia – Politics and government.

$ 15.00 / PB
220gm.

Karya ini menceritakan tentang pembentukan, pembangunan dan keruntuhan sebuah parti politik tertua di Malaysia iaitu UMNO. Pada Pilihan Raya Umum ke-14 tahun 2018, UMNO buat pertama kalinya tewas setelah memerintah Malaysia lebih 60 tahun. Kekalahan UMNO ini telah mengejutkan ramai penganalisis politik dan rakyat Malaysia khasnya. Ini kerana semenjak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946, UMNO telah berjaya mengekalkan dominasi dan

hegemoni parti merentasi enam dekad dan mencorak masa hadapan Malaysia. Sehingga kini, parti ini masih bergelut dengan perpecahan dalaman dan gagal mencari jalan keluar kepada permasalahan mereka bagi kembali memegang tampuk kuasa.
Ibn Khaldun seorang ahli Falsafah dan Sosiologi terkenal dunia telah merungkai proses kewujudan, pembangunan dan keruntuhan sesebuah dinasti dan empayar di dalam karya agungnya Muqaddimah. Idea-idea Ibn Khaldun banyak digunakan pengkaji Sains Politik untuk melihat tentang kemunculan dan keruntuhan beberapa buah dinasti dan kerajaan antaranya ialah Kerajaan Uthmaniyah, Khalifah Sokoto di Afrika Barat dan lain-lain. Ibn Khaldun memperincikan bahawa setiap dinasti/ empayar/kerajaan mempunyai kitaran hidup tertentu sama seperti kitaran hidup manusia iaitu bayi, dewasa dan mati. Beliau membahagikan fasa kitaran ini kepada lima bahagian bergantung kepada Assabiyah di dalam kumpulan itu.
Karya ini yang pertama di Malaysia yang menelusuri fasa-fasa pembangunan dan keruntuhan UMNO dengan melihat kepada ciri-ciri dan sifat yang disebutkan Ibn Khaldun di dalam kitab agungnya Muqaddimah. Ia menjawab persoalan kepada apakah faktor yang menyebabkan UMNO tewas setelah lebih enam dekad berkuasa samada parti itu mampu bangun semula untuk kembali memerintah atau sebaliknya.
**http://www.marymartin.com/web?pid=778495**
------------------------------------------------------------------------------------------
Kemelut dan Kepimpinan Melayu di Pulau Pinang / Muhammad Farid Saad & Marina Ismail
Sintok, Kedah: UUM Press, 2021
xii, 266p.
Includes Index
9789672486541

1. Malays (Asian people) – Malaysia – Pulau Pinang.
2. Malays (Asian people) – Politics and government – Malaysia.
3. Malays (Asian people) – Economic conditions – Malaysia – Pulau Pinang.
4. Malays (Asian people) – Social aspects – Malaysia – Pulau Pinang.

$ 25.00 / PB
422gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784329**
------------------------------------------------------------------------------------------
Transformasi Sosial dan Politik Belia: Menelusuri Perubahan Budaya Politik Belia di Malaysia / Haris Zuan
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2020

160p.
Includes Index
9789672510659
1. Youth – Political activity – Malaysia.
2. Malaysia – Politics – and government.

$ 15.00 / PB
254gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784330**
------------------------------------------------------------------------------------------
Dasar Pandang Timur: Perubahan Struktur dan Budaya / Hanim Ismail & Kartini Aboo Talib @ Khalid
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2020
284p.
Includes Index
9789672513292
1. Economic development – Malaysia.
2. Malaysia – Economic policy.
3. Developing countries – Economic conditions.

$ 22.50 / PB
428gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784331**
------------------------------------------------------------------------------------------
Parti Keadilan Rakyat: Jejak-Jejak Kelahiran Mengislah Kenegeraan / Abu Muhammad
Malaysia: Akademi Peranserta Rakyat (AKAR), 2021
xxiv, 208p.
$ 40.00 / HB
602gm.

Parti Keadilan Rakyat (PKR) atau sebelumnya dikenali dengan nama Parti Keadilan Nasional (KeADILan) dilahirkan kira-kira dua dekad yang lampau dalam suasana politik Malaysia yang 'darurat' dan panas. Dengan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, tercetus suatu gerakan menuntut keadilan terhadap tindakan zalim parti pemerintah ketika itu yang diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Gerakan ini dinamakan sebagai Gerakan Reformasi yang menuntut keadilan dan reformasi politik secara menyeluruh.
Gerakan ini tentunya tidak disenangi oleh parti pemerintah dan segala usaha untuk mendaftarkan sebagai sebuah parti politik yang sah telah 'digagalkan'

oleh aparatus Kerajaan. Buktinya tiga insiatif permohonan pendaftaran parti politik oleh aktivis gerakan reformasi tidak diluluskan walaupun mengikut segala prosedur dan aturan sedia ada.
Justeru suatu usaha yang dilakukan secara sulit dan rahsia perlu digerakkan untuk menghasilkan wadah parti politik yang sah bagi membolehkan gerakan ini bertanding dalam pilihan raya.
Buku di tangan anda ini mendedahkan usaha-usaha tersebut yang dilakukan secara strategik sehingga ianya tidak disedari oleh pihak Kerajaan dan seterusnya membidani kelahiran sebuah parti yang bernama Parti Keadilan Nasional (KeADILan).
**http://www.marymartin.com/web?pid=789007**
------------------------------------------------------------------------------------------------
Islam dan Dinamika Masyarakat Sivil di Malaysia / (Eds) Makmor Tumin, Sharifah Hayaati Syed Ismail & Mazlan Che Soh
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2021
xxxvi, 264p.
Includes Index
9789674881962
1. Islam and civil society – Malaysia.
2. Civil society- Malaysia.
3. Religion and civil society.

$ 34.00 / PB
442gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=789008**
------------------------------------------------------------------------------------------------
Menang dan Terbuang: Demokrasi, ‘Deep State’ dan Darurat / Muhaimin Sulam (Eds) Muhammad Din & Al-Abror Mohd Yusuf
Kuala Lumpur: Ilham Books, 2021
272p.
9789672007470
1. Politics in literature.
2. Politics and literature.
3. Malaysia – Politics and government.

$ 20.00 PB
334gm.

Sebuah catatan tentang politik pasca kejatuhan BN melalui sistem demokrasi dan analisa bagaimana kuasa politik dalaman PH bergolak dan memakan diri. Ia juga mendedahkan aktor-aktor dalam gelap yang kekal berkuasa dan mengkaji Machiavellian dalam sejarah dan budaya politik tanah air.

Turut dipaparkan cabaran perjuangan bahasa dalam mengisi jiwa bangsa. Satu penulisan ilmiah, objektif dan berani tetapi disampaikan secara santai.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780643**
------------------------------------------------------------------------------------------
**Religion-Islam**

Misteri Al-Masih Ad Dajjal: Pembawa Fitnah dan Kesesatan Menghuru-harakan Dunia / Abu Muhammad Arafah Adha
Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2021
230p.
9789672278382
$ 19.45 / PB

Dunia sekarang ini sedang bergolak dengan pelbagai kemelut. Penyakit sosial, perpecahan dalam masyarakat, pertumpahan darah melibatkan negara Islam dan negara terkenal, peperangan, kerosakan di bidang fikiran, fahaman serta ideologi, pemujaan sihir dan lain-lain lagi telah menyebabkan dunia menjadi huru-hara. Krisis bidang ekonomi, kejatuhan nilai wang, kenaikan harga barang dan sistem perbankan riba telah menindas umat manusia diserang pelbagai penyakit kerana pening dan stress. Di sebalik semua gejala yang terjadi, kita lupa, alpa dan terlepas pandang. Apakah itu? Atau apakah "Dia"? Semua kemelut yang terjadi sekarang ini telah pun diisyaratkan oleh Rasulullah SAW. Rasulullah SAW bimbag kalau-kalau umatnya terpengaruh dengan fitnah yang dibawa "Dia". Ramai dikalangan umat Islam sendiri tidak tahu dan sedar siapakah "Dia", tokoh yang merbahaya. "Dia" ialah DAJJAL. DAJJAL yang bakal muncul di penguhujung umur dunia untuk menghuru-harakan dunia ini. Buku ini mendedahkan bukti-bukti kewujudan Dajjal yang disebut oleh Allah dan Rasulullah SAW; diisyarat dalam Al-Quran secara simbolik dan diperjelaskan bukti kewujudan Dajjal dalam hadis sifat-sifatnya secara terperinci termasuk fitnah dan pembohongan yang dibawa dalam pelbagai bidang kehidupan. Ramai di kalangan manusia, termasuk orang Islam terperangkap dan terikut-ikut dengan Dajjal  serta mudah terkena sihir Dajjal. Di penghujung buku ini dikongsikan tips dan panduan cara mana untuk selamat daripada fitnah dan Dajjal serta menangkis "Sihir Dajjal".
**http://www.marymartin.com/web?pid=760875**
-------------------------------------------------------------------------------------
Dalang di Sebalik Konspirasi Penaja Peperang Dunia / Abu Muhammad Arafah Adha
Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2020

280p.
9789672278344
$ 19.95 / PB

Rasulullah SAW pernah memberitahu sejak 15 abad lalu bahawa umat Islam pada akhir zaman walaupun ramai, tetapi mereka lemah kerana dijangkiti penyakit "Cintakan dunia dan takut mati". Lantaran itu mereka mudah dicatur oleh musuh mereka yang terdiri daripada kuasa besar dunia dalam pelbagai bidang. Melalui buku ini, penyusun cuba dedahkan betapa isyarat tersebut benar-benar terjadi kini yang mana dunia Islam terperangkap dalam jaringan "Konspirasi Yahudi Antarabangsa" yang memperalatkan kuasa-kuasa besar dunia, sama ada di pihak blok Barat atau blok Timur, yang berada dalam PBB, NAT, UNI-Eropah, hatta dalam kesatuan Negara-negara Islam sendiri seperti OIC, NAM dan lain-lain bagi mewujud dan menaja peperangan sesama sendiri. Untuk mengetahui siapakah "DALANG DI SEBALIK KONSPIRASI PENAJA PEPERANGAN DUNIA " yang mengaut keuntungan daripada hasil Penjualan Senjata? Anda perlu baca buku ini.
**http://www.marymartin.com/web?pid=760876**
--------------------------------------------------------------------------------------
Safwat Al-Zubat: Matan Asasi Fiqh Sahfi'i / Ahmad Ibn Raslan (Ed) Ibnu Abdil Barry (Translator) Rizky Febrian
Kuala Lumpur: Rihla Media, 2021
xvi, 338p.
Includes Index
Malay & Arabic Languages
9789672485018
$ 17.50 / PB
630gm.

Kitab Ṣafwat Zubad merupakan karya penting di dalam fiqh Syāfiʻī yang telah ditulis oleh seorang tokoh berwibawa abad kesembilan, al-ʻAllāmah al-Faqīh Syekh Aḥmad bin Ḥusayn bin Arsalān (atau Raslān) al-Ramlī (wft. 844 H) - raḥimahuLlāh.
Karya ini disusun dengan nazam yang serasi, pemilihan kata yang teliti, serta dilengkapi dengan nasihat-nasihat yang membimbing akal dan hati.
Nazamnya dengan jinas dan sajak, sehingga mudah difahami oleh orang yang bijak. Layak dihafal sebagai dalil, hujah yang kuat untuk dinukil.
Keutamaannya tidak dapat dinafi, manakala keunggulannya tidak dapat diingkari, bahkan disaksi oleh ramai ulama berwibawa sepanjang zaman

berganti. Puluhan kitab syarah telah menjelaskan, ribuan kuliah telah diadakan, sebagai bukti keutamaan berzaman dan kewibawaan yang tidak tergantikan.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780163**
------------------------------------------------------------------------------------------
Terjemahan Matn al-Ghayah Wa al-Taqrib:  Matan Asasi Feqah Shafi'i /Abu Shuja al-Asfahani (Ed) Ibnu Abdil Barry (Translator) Rizky Febrian
Kuala Lumpur: Rihla Media, 2021
xxii, 154p.
Includes Index
Malay & Arabic Languages
9789672485032
$ 16.00 / PB
340gm.

Kitab Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb atau yang lebih dikenali sebagai Matn Abī Shujāʿ adalah sebuah risalah penting di dalam feqah. Ia merupakan ringkasan masalah-masalah utama dalam mazhab Shāfiʿī. Ia juga ditulis dengan Bahasa yang mudah, susunan kata-kata yang indah, rangkaian kalimat yang baik serta penjelasan yang sangat ringkas. Sehingga memudahkan sesiapa sahaja yang mengkaji dan mempelajarinya. Meskipun kecil, kitab ini membincangkan hampir semua bab feqah yang perlu dan penting untuk diketahui. Ruang pembahasan kitab ini merangkumi beberapa bab penting seperti kitab berkenaan dengan bersuci, solat, zakat, puasa, haji, perniagaan, harta pusaka dan wasiat, nikah, jenayah, hudud, jihad, haiwan buruan dan sembelihan, sumpah dan nazar, peradilan dan persaksian, pembebasan hamba abdi dan lain-lain.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780164**
------------------------------------------------------------------------------------------
Terjemahan dan Penjelasan Tuhfat al-Atfal: Matan Asasi Ilmu Tajwid / Sulayman al-Jamzuri (Ed) Ibnu Abdil Barry (Translator) Rizky Febrian
Second Edition
Kuala Lumpur: Rihla Media, 2020
xxvi, 114p.
Includes Index; Bibliography
Malay & Arabic Languages
9789671495070
$ 12.50 / PB
268gm.

Kitāb Tuhfat al-Atfal merupakan sebuah karya penting yang dikarang oleh Syeikh Sulayman al-Jamzūri, beliau merupakan seorang tokoh ilmuwan berwibawa abad 12 H. Sehingga hari ini, Kitāb Tuhfat al-Atfal masih lagi dijadikan sebagai rujukan dalam bidang Tajwid di pelbagai institusi pendidikan al-Qur'an di dunia Muslim. Keutamaan karya ini berbanding karya yang lain adalah terletak pada penjelasannya yang ringkas dan mudah, serta dirangkai dalam bait-bait syair penuh makna lagi indah. Kehadiran karya ini dan yang seumpamanya merupakan bahagian daripada usaha pengajaran dan pengamalan tradisi lisan (oral tradition) yang dikaedahkan dan telah diwariskan secara turun temurun. Oleh itu, mempelajari karya ini bukan hanya sekadar belajar membaca al-Qur'an dengan baik, akan tetapi suatu usaha untuk menjaga dan meneruskan warisan intelektual dan spiritual yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah melalui para sahabatnya dan yang mengikuti mereka. Sehingga, walaupun terpisah jarak dan masa yang begitu jauh lebih dari 1400 tahun bacaan al-Qur'an tetap terjaga dan dibawa oleh satu disiplin yang bernama Ilmu Tajwid.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780165**
-------------------------------------------------------------------------------------------
Tasawuf dan Tragedi: Kritik Kebudayaan Perspektif Syed Muhammad Naquib al-Attas / Ismail Al-‘Alam (Ed & Translator) Rizky Febrian (Foreword) Dr. Syamsuddin Arif, M.A.
Kuala Lumpur: Rihla Media & Yayasan Bentala Tamaddun Negara, 2021
xxiv, 158p.
Includes Index
9789672485025
$ 22.50 / PB
348gm.

Buku ini menawarkan suatu Kritik Kebudayaan berlandaskan pemikiran Al-Attas mengenai tasawuf dan tragedi, yang berbeda dari (meski bisa beririsan dengan) tradisi kritik kebudayaan di Barat seperti Kulturkritik atau Cultural Studies.
Untuk mencapainya, pemikiran Al-Attas tentang kebudayaan Islam dan Barat dalam karya-karyanya sejak tahun 1970-an akan dieksplisitkan. Hasilnya adalah suatu Kritik Kebudayaan yang relevan bagi kita untuk membaca problem kebudayaan secara meluas lagi.
Tragedi mencerminkan roh peradaban Barat yang mengajarkan dualisme, rasionalisme, relativisme, humanisme, sekularisme, naturalisme, dan

sebagainya. Buku karya Ismail Al-'Alam ini mencuba memahami pandangan al-Attas mengenai tasawuf sebagai jalan hidup dan jalan fikir manusia, serta kaitannya dengan konsep tragedi Barat yang sering dikritiknya. Secara spesifik, Ismail Al-'Alam bermaksud menawarkan pemikiran al-Attas tentang tasawuf dan tragedi sebagai suatu "kritik kebudayaan" sebagaimana kita kenal dalam disiplin ilmu falsafah.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780166**
--------------------------------------------------------------------------------------
Ilmu Miqat Dalam Astronomi Islam / Nurulhuda Ahmad Zaki
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2021
xx, 174p.
Includes Index
9789674881795
1. Islamic astronomy.
2. Astronomy – Religious aspects – Islam.
3. Islamic calendar.
4. Qiblah.

$ 26.00 / PB
302gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780750**
--------------------------------------------------------------------------------------
Usul Al-Fiqh / Muhammad Ikhlas Rosele
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2021
viii, 168p.
Includes Index; Bibliography
9789674881788
1. Islamic law.
2. Hukum.

$ 25.00 / PB
276gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780751**
--------------------------------------------------------------------------------------
Ontologi Ketuhanan (Ilmu Wujudiyyah) Shayk Abdul Rauf Ali Al-Fansuri Al-Singkili / Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Md Zuraini Mashrom & Abdul Manam Mohamad
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2021
244p.
Includes Index
9789672513759

1. God (Islam).
2. Ontology – Religious aspects – Islam.
3. Islam – Doctrines.

$ 20.00 PB
360gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784357**
------------------------------------------------------------------------------------------
Dinamika Dakwah Islam Di Alam Siber / Muhamad Faisal Ashaari, Nor Faizah Ismail & Rohana Zakaria
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2020
172p.
Includes Index
9789672511540

1. Da'wah (Islam).
2. Islam – Missions.
3. Information technology – Religious aspects – Islam.
4. Internet – Religious aspects – Islam.

$ 17.50 / PB
268gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784358**
------------------------------------------------------------------------------------------
Islam dan Ekstremisme / Ahmad Munawar Ismail
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2021
114p.
Includes Index
9789672512844

1. Islam and the social sciences.
2. Extremists.
3. Radicalism.

$ 12.50 / PB
184gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784361**
------------------------------------------------------------------------------------------
Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah Yasin / Ahmad Saifuddin Yusof & Tengku Nurhusni Tengku Ab Razak
Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat Series
Petaling Jaya: Alim Rabbani Media Sdn Bhd, 2021
xviii, 314p.
Malay & Arabic Languages

9789671949528

1. Qur'an. Surah Yaa Sin – Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an – Criticism, interpretation, etc.

$ 29.00 / HB
540gm.

Surah Yasin, majoriti orang Melayu dan rakyat Malaysia kenal Surah Yasin berbanding surah-surah lain. Saban hari dan minggu dibaca untuk diambil manfaat dan berkat dengan kepercayaan terhadap kelebihan tertentu yang disandarkan kepada agama.
Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat memecahkan stigma masyarakat terhadap Surah Yasin dengan menghuraikan satu persatu di setiap baris ayat sehingga memberi penjelasan sepenuhnya intipati surah 'keramat' itu kepada masyarakat.
Melalui tema dan kandungan yang pelbagai, 'cuaca' huraian Tuan Guru akan berubah mengikut konotasi ayat yang berbeza. Bermula dengan perbincangan tentang Al-Quran yang Bijaksana, kisah penduduk Qaryah, tanda-tanda penciptaan Allah melalui alam, Hari Pembalasan dan di hujungnya tentang kebenaran mesej yang dibawa oleh para rasul.
Walaupun mungkin penjelasan Tuan Guru tidak mencakupi keseluruhan tema, namun penjelasan setiap ayat itu membuatkan hati kita kembang mekar segar semula selepas berkali-kali gugur 'daun' ketekunan di tengah jalan perjuangan.
Dengan ilmu yang padat, pengalaman yang banyak serta kearifan lokal dan masyarakat, huraian makna ayat-ayat daripada Surah Yasin ini menjadi sebati dan padu, sehingga kita tidak sangka perspektif kita selama ini terhadap ayat itu sangat berbeza dengan apa yang dijelaskan oleh Tuan Guru.
Dalam ribut taufan kerosakan masyarakat dalam segenap aspek sama ada akidah, sosial, budaya, ekonomi dan sebagainya. Huraian Tuan Guru terhadap ayat-ayat Surah Yasin ini akan memberikan cahaya yang terang untuk kita amal dan adaptasi dalam kehidupan. Melalui tiupan angin emosi yang terkandung di setiap ayat, Tuan Guru meluahkannya kepada hadirin supaya dapat diserapi lebih dalam ke lubuk jantung hati sebagai satu lokasi pendaratan hidayah dari Ilahi.
"Walaupun benda itu orang panggilnya peti televisyen, tetapi kalau tidak cukup syaratnya menyebabkan tidak nampak gambar dan tidak berbunyi suaranya. Kita ini begitu juga; kaki molek (elok), mata molek, tubuh molek, kesihatan molek, tetapi hati so (satu) itu yang orang panggil Qalbu. Jantung itu kita tidak ambil peduli! Maka dengan sendirinya ilham, taufik, hidayah atau

apa semua yang datang daripada langit, sama ada daripada Allah Ta'ala atau daripada malaikat menyebabkannya tidak sampai dan tidak melekat."
- Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat –
http://www.marymartin.com/web?pid=789009
------------------------------------------------------------------------------------------
Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah Ar-Rahman / Ahmad Saifuddin Yusof & Tengku Nurhusni Tengku Ab Razak
Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat Series
Petaling Jaya: Alim Rabbani Media Sdn Bhd, 2021
xvi, 184p.
Malay & Arabic Languages
9789671949511
1. Qur'an. Surah al-Rahman – Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an – Criticism, interpretation, etc.

$ 24.00 / HB
380gm.

Surah al-Rahman, surah yang tidak asing bagi kita di Malaysia. Walaupun bukan bacaan yang selalu dibaca seperti Surah al-Waqi'ah, ia tetap menambat hati untuk dibaca dan dihafal. Kandungan ayatnya yang pendek-pendek dan beritma, menjadikan ia satu surah yang sering kali menjadi pilihan para qari untuk dibaca dan dialntunkan dengan suara yang merdu. Isinya yang unik yang tidak sama dengan surah-surah yang lain apabila ada pengulangan ayat yang sama sebanyak 31 kali.
Apabila Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menghuraikan kandungan surah ini, ia seperti beliau sedang mericih-ricih halus setiap patah kata ayat kemudian diadunkan bersama di dalam bancuhan ilmu yang pekat dan pengalaman yang padat. Sehingga terhasil sebuah hidangan untuk 'dicicah' dan 'dikunyah' oleh para hadirin dan pembaca buku ini. Melalui nota kecil ini, kita tidak dapat merasai kemanisan 'hidangan' huraian Tuan Guru terhadap bait-bait ayat Surah al-Rahman sehingga kita meratahi sendiri setiap baris ayat dalam buku ini.
Nota kecil ini hanya ibarat sebuah lukisan satu pemandangan. Hanya mata sendiri yang menatap dapat menikmati pemandangan yang sebenar. Apabila kita biasa menghadam kuliah-kuliah Tuan Guru, kita akan rasai bagaimana Tuan Guru melumati setiap baris ayat-ayat suci Al-Quran daripada Surah al-Rahman ini untuk dibentangkan kepada pendengar supaya mereka memahami setiap intonasi dan konotasi makna yang Allah ingin sampaikan kepada manusia. Kita dapat membuat muhasabah kendiri melalui retrospektif

sehingga terbentuk satu pemikiran yang jernih dan bulat kepada Allah yang Maha Esa.
"Hendak membolehkan Allah redha, maka sesuatu itu mestilah kita tapi. Makanan yang kita makan, juga mesti ditapis. Bukannya tapis daripada sekam sahaja, malahan tapis daripada unsur halal dan haram. 'Yang masuk ke dalam mulut aku ini walaupun teh secawan ataupun air seteguk, aku beli dengan duit halal atau haram?' Kalau dengan duit haram kita beli makanan atau sate, maka semuanya kosong. Di akhirat kelak, semuanya menjadi kosong!"
- Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat –
**http://www.marymartin.com/web?pid=789010**
---------------------------------------------------------------------------------------
Muktazilah dan Persoalan Kebebasan Insan / (Ed) Mohd Syazreen Abdullah (Translator) Ahmad Nabil Amir
Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad, 2020
xxiv, 244p.
Includes Index
9789671681985
$ 25.00 / PB
410gm.

Kaum Muktazilah juga dikenali sebagai Ahlu al-‘Adli wa al-Tauhid yakni golongan yang mempertahankan keadilan dan keesaan Tuhan. Sebutan ini lebih mereka senangi karena bersumber daripada dua ajaran pokok iaitu al-’Adlu dan al-Tauhid. Dalam sejarah pemikiran Islam, kaum Muktazilah tampil mengajukan persoalan-persoalan teologi yang lebih mendalam dan kental dengan falsafah dibanding aliran-aliran teologi lainnya. Lantaran itu aliran ini juga dikenal sebagai para ahli filosof dan kaum rasionalis Islam. Kaum Muktazilah juga mempunyai lima doktrin asas yang dikenal sebagai al-Ushul al-Khamsah. Doktrin berlima itu adalah al-Tauhid, al-Adl, al-Wa’d wa al-Wa’id, al-Manzilah bain al-Manzilatain, dan al-Amr bi al-Ma’ruf wa al-Nahyu ‘an al-Munkar. Demikianlah keyakinan mereka bahawa manusia diberikan kebebasan dalam menentukan kehendak dan perbuatannya, serta bertanggungjawab atas perbuatannya sendiri. Tuhan itu Maha Adil dan berkewajiban berlaku adil. Lantaran itu tidaklah Tuhan yang Maha Adil akan menempatkan seseorang yang zalim ke dalam syurga sebagaimana Dia tidak akan menjerumuskan seorang yang taat ke dalam neraka, kerana hal itu terhasil daripada kebebasan kehendak manusia dalam memilih antara taat atau maksiat. Dalam mengajukan fahaman ini, Kaum Muktazilah berpegang pada firman Tuhan dalam Surah As-Sajdah ayat 17 yang artinya “sebagai

balasan daripada apa yang mereka kerjakan“.Seandainya perbuatan manusia itu adalah daripada perbuatan Tuhan sendiri, maka tidaklah perlu diberikan balasan, kerana perbuatan apa sekalipun sifatnya, baik maupun jahat, yang dilakukan manusia adalah perbuatan Tuhan yang tentunya tidak perlu dipertanggungjawabkan oleh insan. Prinsip ini bertolak belakang dengan pegangan Kaum Asha’irah yang berpendapat manusia itu lemah, dan justeru ia bergantung sepenuhnya pada kehendak dan kekuasaan mutlak Tuhan. Bagi mereka, Tuhan adalah pencipta tiap sesuatu, dan tiada pencipta selain Dia, makanya segenap perbuatan manusia adalah daripada ciptaan Tuhan. Disebabkan itu, bagi Kaum Asha’irah, Tuhan yang Maha Berkuasa itu boleh saja menjerumuskan orang yang beriman ke dalam neraka jika Dia menghendaki yang demikian. Demikianlah antara perbahasan yang diangkat dalam penulisan pemikir Islam yang ulung ini, Dr Muhammad Imarah, yang lahir daripada mazhab pemikiran al-aqlāniyyah al-Islamiyyah – rasionaliti yang Islami – Imam Muhammad Abduh.
**http://www.marymartin.com/web?pid=789011**
------------------------------------------------------------------------------------------
Perkhabaran Agung: Pembuktian Kebenaran Al-Quran dan Kaedah Baru Memahaminya / Muhammad ‘Abdullah Diraz (Translator) Hanif Ali
Bandar Baru Bangi, Selangor: Maqasid Resources, 2017
xxiv, 312p.
Includes Index
9789671558904
1. Qur’an – Criticism, interpretation, etc.
2. Qur’an – Evidence, authority, etc.

$ 24.00 / PB
546gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=789012**
------------------------------------------------------------------------------------------
Panduan Bangsa: Mengandungi Aklaq, Adab, Pergaulan dan Lain-Lain / Tuan Guru Haji Ahmad Hashimi
Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd, 2021
lxvi, 388p.
Includes Index
Malay & Arabic Languages
9789672422259
1. Islamic ethics.
2. Muslims – Conduct of life.

$ 27.50 / PB
702gm.

Sebuah karangan Tuan Guru Haji Ahhmad Hashimi (1904-1993) yang diterbitkan pada 1946, sewaqtu orang-orang Melayu melalui tempoh penuh gelora dan ujian manakala semangat kebangsaan dan kemerdekaan sedang berada dikemuncak. Kitab ini dimulakan dengan tiga buah taqriz (puji-pujian) yang dikarang oleh Shaykh ʻAbdu'Llah Fahim, Tunku Abdul Rahman Putra al-Ḥaj dan Tuan Guru Haji Husayn bin Ḥaji Ismail. Terkandung di dalamnya 45 bab yaʻni 45 panduan dalam kehidupan berkenaan akhlaq, adab, pergaulan, budi perangai dan sebagainya yang menjadi ciri penting sebuah bangsa dan tanah air yang merdeka dan berdaulat. Semoga panduan ini menjadi suluhan dalam mengubati penyakit-penyakit bangsa dan jalan-jalan membaikinya.
**http://www.marymartin.com/web?pid=789013**
------------------------------------------------------------------------------------------
Tradisi Ratib Al-Haddad Di ʻAlam Melayu: Manuskrip, Sanda, Kitab dan Pembudayaannya / Abdul Razak Abdul Rahman
Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd, 2021
xx, 280p.
Malay & Arabic Languages
9789672422235
1. Islam – Prayers and devotions.
2. Islamic meditations.
3. Islamic literature – History and criticism.
4. Sufi chants

$ 22.50 / PB
486gm.

"Barangsiapa orang yang membiasakan atas ratib kami, nescaya dikurniai [oleh] Allah akan dia sebaik-baik kesudahan mati dalam kalimah (husn al-khatimah)" – al-Imam al-Habib ʻAbdu'Llah ibn ʻAlawi al-Haddad.
***
"Ini Ratib bagi al-Habib ʻAbdu'Llah bin ʻAlawi al-Haddad juga yang banyak manfaat dunya dan akhirat lagi zahir berkatnya bagi mereka yang beramal dengannya." – Almarhum Tuan Guru Ḥāji Sulong al-Fatani.
***
Ratib al-Haddad ialah sebuah amalan yang disusun oleh seorang Wali Allah yang besar di dalam sejarah ummat Islam iaitu Quṭb al-Irshad al-Imam al-Habib ʻAbdu'Llāh ibn ʻAlawi al-Ḥaddad yang berasal dari Hadramawt, Yaman. ʻAmalan Ratib al-Haddad tidak asing lagi di kalangan bangsa Melayu dan telah diamalkan semenjak sekian lama.

Karya ini mengumpul dan melampirkan manuskrip Jawi Ratib al-Haddad dan kitab-kitab Jawi yang melampirkan Ratib al-Haddad. Karya ini juga menjelaskan siapakah ulama di Alam Melayu yang mengamalkan ratib ini serta sanad mereka yang bersilsilah kepada Imam al-Haddad.
Karya ini juga menerangkan tentang pengaruh amalan Ratib al-Haddad di Alam Melayu antaranya di Terengganu, Johor dan lain-lain negeri Melayu.
http://www.marymartin.com/web?pid=789014
------------------------------------------------------------------------------------------
Citra Maqasid Al-Shari'ah: Dari Kelahiran Hingga Kebangkitan / Marwan Bukhari A. Hamid (Ed & Translator) Mohd Khairul Anwar Ismail
Kuala Lumpur: ABIM-Angkatan Belia Islam Malaysia, 2021
xii, 268p.
Includes Bibliography
9789672158905
1. Maqasid (Islamic Law).
2. Islamic Law – Interpretation and construction.
3. Islamic Law – Reception.

$ 17.50 / PB
434gm.

Buku ini menelusuri sejarah perkembangan ilmu Maqāṣid al-Sharīʻah dari zaman wahyu, kemudian meneroka pula zaman generasi sahabat, dan tabi'in, kemudian melihat kepada zaman Imam empat mazhab, Imām Abū Ḥanīfah, Mālik, al-Shāfīʻī, dan Aḥmad bin Ḥanbal, dan tokoh lain seperti Imām al-Bukhārī seterusnya diikuti dengan tokoh-tokoh selepas mereka, seperti Imām al-Juwaynī, Imām al-Ghazālī, Imām al-ʻIzz Ibn ʻAbd al-Salām (sekadar menyebut beberapa nama) dan lain-lain. Terlalu banyak tokoh yang signifikan yang berkaitan dengan perbahasan Maqāṣid al-Sharīʻah dibahaskan dalam buku ini, yang menjadikan buku ini amat bernilai tinggi.
Membicarakan maudu' Maqāṣid al-Sharīʻah adalah tidak sempurna tanpa memberikan perhatian kepada pemikiran Imām Abū Isḥāq al-Shāṭibī dalam bidang Maqāṣid al-Sharīʻah. Pengarang kitab al-Muwāfaqāt ini memberi impak yang besar dan signifikan kepada perbahasan Maqāṣid al-Sharīʻah, selepas eranya, sehinggalah kepada era kontemporari pada hari ini.
http://www.marymartin.com/web?pid=789015
------------------------------------------------------------------------------------------

## Sociology

Bias Dalam Penyelidikan Sains Sosial / (Eds) Mohd Awang Idris, Yulita & Haslina Muhamad

Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2021
xiv, 156p.
Includes Index
9789674881894
$ 26.50 / PB
264gm.

Kajian sains sosial secara umumnya melibatkan persepsi manusia, baik oleh perspektif penyelidik, mahupun responden yang terlibat dalam penyelidikan. Walaupun pelbagai metodologi muncul, sama ada yang bersifat kuantitatif mahupun kualitatif, bias merupakan isu yang sering muncul, yang menyebabkan hasil penyelidikan perlu ditafsirkan secara berhati-hati. Walau sebaik mana pun penyelidik mengawal semua asas penyelidikannya, bias adalah hal yang tak mampu dielakkan. Buku ini secara umumnya cuba menyingkap beberapa isu bias dan ralat yang sering berlaku dalam penyelidikan sains sosial. Bagaimanapun, ia tidaklah pula mampu memperjelaskan kesemuanya memandangkan setiap metodologi penyelidikan itu sendiri mempunyai pelbagai isu. Buku ini sekadar memberikan gambaran ringkas tentang beberapa isu bias yang umumnya berlaku dalam bidang sains sosial. Ia sesuai untuk sesiapa sahaja yang berminat dengan dunia penyelidikan sains sosial, baik penyelidik, pensyarah atau pelajar pascasiswazah yang berhasrat menjalankan penyelidikan.
**http://www.marymartin.com/web?pid=780675**
------------------------------------------------------------------------------------------
Sains Sosial Malaysia: Meneruskan Tradisi Menanggapi Transformasi Masyarakat / (Compiled) Abdul Rahman Embong
Kuala Lumpur: IIUM Press, 2022
xxiv, 284p.
Includes Index
9789674911393

1. Social sciences – Malaysia.

$ 40.00 / PB
460gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=784333**
------------------------------------------------------------------------------------------
Bujang Terlajak: Fenomena Kahwin Lewat dalam Kalangan Wanita di Malaysia / Suresh Kumar N Vellymalay & Noridawati Awang
Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM), 2021
xviii, 118p.

Includes Index
9789674616199

1. Marriage – Malaysia.
2. Single women – Malaysia.
3. Single people – Malaysia.

$ 16.00 / PB
242gm.
[http://www.marymartin.com/web?pid=784335](http://www.marymartin.com/web?pid=784335)
-----------------------------------------------------------------------------------------------
Keusahawanan Mendepani Pandamek Covid-19 / (Eds) Zafir Mohd Makhbul, Lokhman Hakim Osman & Fazilah Mohamad Hasun
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2021
128p.
Includes Index
9789672514251

1. Entrepreneurship.
2. Success in business.
3. COVID-19 (Disease) – Social aspects – Malaysia.

$ 15.00 / PB
202gm.
[http://www.marymartin.com/web?pid=784343](http://www.marymartin.com/web?pid=784343)
-----------------------------------------------------------------------------------------------
Fertiliti dan Nilai Keluarga Dalam Landskap Kependudukan Di Terengganu / Rosniza Aznie Che Rose
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2021
208p.
Includes Index
9789672513704

1. Fertility, Human – Malaysia – Terengganu.
2. Population geography – Malaysia – Terengganu.

$ 20.00 / PB
324gm.
[http://www.marymartin.com/web?pid=784344](http://www.marymartin.com/web?pid=784344)
-----------------------------------------------------------------------------------------------
**Sports**

Kumpulan Artikel Gendang Silat / Mitch
Kuala Lumpur: Menara Seni, 2021
1v.

9789671647851
$ 20.00 / PB

Buku ini merupakan siri artikel yang pernah diterbitkan di Majalah Seni Beladiri padatahun 2001. Ia mengandungi enam (6) topik utama yang mencakupi aspek pensejarahan, perkembangan gendang silat, takrifan dan nama-nama bahagian dan klasifikasi peralatan, kepentingan gendang silat, nilai-nilai murni dalam permainan gendang silat, pesanan orang-orang tua, istilah dalam permainan gendang silat dan wawancara dengan guru-guru serunai/gendang silat.
**http://www.marymartin.com/web?pid=786249**
-------------------------------------------------------------------------------------------